

# CREATE

Untuk menjadi universiti pilihan pertama,  
bertaraf dunia dan berjenama



Januari - April 2010

**UMP kekal  
beroperasi di  
Kampus Gambang**



ISSN 1823-7487




9 771823 748004



**KDYTM Tengku Puan  
lancar Persatuan  
MATAHARI UMP**



*"Tanggungjawab sosial dan  
berpesatuan bantu mahasiswa  
dapat pengalaman berharga  
- Dato' Saifuddin"*



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**

Engineering • Technology • Creativity



Untuk Menjadi Universiti Pilihan Pertama,  
Bertaraf Dunia Dan Berjenama 99

[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)

# Sidang Editorial

## PENAUNG

Yang Hormat Profesor Dato' Dr.  
Daing Nasir Ibrahim  
[daing@ump.edu.my](mailto:daing@ump.edu.my)

## KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie  
[abrahman@ump.edu.my](mailto:abrahman@ump.edu.my)

## EDITOR (BAHASA MELAYU)

Safriza Baharuddin  
[safriiza@ump.edu.my](mailto:safriiza@ump.edu.my)

## EDITOR (BAHASA INGGERIS)

Nor Yazi Khamis  
[nyazi@ump.edu.my](mailto:nyazi@ump.edu.my)

## WARTAWAN/PENULIS

Arman A. Rahim  
[arman@ump.edu.my](mailto:arman@ump.edu.my)

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais  
[hilmy@ump.edu.my](mailto:hilmy@ump.edu.my)

Nuraklimah Roseli  
[aklimah@ump.edu.my](mailto:aklimah@ump.edu.my)

Siti Aishah Ghani  
[sitiaishah@ump.edu.my](mailto:sitiaishah@ump.edu.my)

Nadira Hana Ab Hamid  
[nadira@ump.edu.my](mailto:nadira@ump.edu.my)

Lily Azwati Latip  
[lily@ump.edu.my](mailto:lily@ump.edu.my)

Raihana Sulaiman  
[raihana@ump.edu.my](mailto:raihana@ump.edu.my)

Mimi Rabita Abdul Wahit  
[mimirabitah@ump.edu.my](mailto:mimirabitah@ump.edu.my)

Mohd. Rozmillah Othman  
[rozmillah@ump.edu.my](mailto:rozmillah@ump.edu.my)

Nor Salwana Mohammad Idris  
[salwana@ump.edu.my](mailto:salwana@ump.edu.my)

Buletin CREATE diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Manapun bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan tehadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin CREATE. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

**EDITOR**  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang, Kuantan  
Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 3184  
Faks : 09-549 3199  
e-Mel : [create@ump.edu.my](mailto:create@ump.edu.my)



## PEREKAGRAFIK

Azman Md Diah  
[azmanm@ump.edu.my](mailto:azmanm@ump.edu.my)

Noor Azhar Abd Rasid  
[noorazhar@ump.edu.my](mailto:noorazhar@ump.edu.my)

Mohd Zulkifly Hamzah  
[mohdzulkifly@ump.edu.my](mailto:mohdzulkifly@ump.edu.my)

## JURUFOTO

Khairul Aidilnishah Rizan Jalil  
[khairul@ump.edu.my](mailto:khairul@ump.edu.my)

**PEMBANTU PENERBITAN**  
Hafizatul Azlin Abd Aziz  
[hafizatul@ump.edu.my](mailto:hafizatul@ump.edu.my)

Norhafizah Fadzillah  
[nhafizah@ump.edu.my](mailto:nhafizah@ump.edu.my)

## PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman  
[mahdi@ump.edu.my](mailto:mahdi@ump.edu.my)

## 2010 – Layar-Layar Berkembang

# Dari Meja Ketua Editor

Salam 1Malaysia dan 1 UMP buat semua pembaca budiman.

Bagi pembuka selera minda, Create tidak pernah jemu menjamu para pembacanya dengan santapan ilmu dan perkembangan perjalanan satu-satunya institusi teknikal di Pantai Timur iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Tidak sah rasanya jika ruangan menu *Create* tidak disajikan dengan resepi kejayaan UMP yang pastinya menjanjikan menu-menu istimewa buat tatapan pembaca.

Resepi istimewa untuk santapan pembaca dari dapur Sidang Editorial *Create* sudah tentunya sekalung ucapan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang atas penganugerahan “Special Jury Prize Gourmand World Cook Book Awards” bagi penerbitan Buku Masakan Tradisional Pahang - Air Tangan Tengku Puan Pahang yang telah diadakan di Le Carre des Fueillants Paris, Perancis.

Ucapan tahniah juga buat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus yang telah dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P) yang membawa gelaran Dato' daripada Sultan Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah. Semoga penganugerahan tersebut akan terus memberi semangat kepada beliau untuk terus berkreativiti memajukan universiti.

Sempena dengan Amanat Tahunan 2010 Naib Canselor UMP yang melihat kembali kepada agenda transformasi yang ditekankan pada tahun lepas dan perancangan yang perlu dihadapi sepanjang tahun 2010 ini. Transformasi minda staf dan pelajar ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada kita semua untuk menjadi yang terbaik.

Sebelum mengakhiri santapan ilmu pada kali ini, sekali lagi *Create* berkongsi sajian menarik untuk semua atas pembelian kampus Gambang yang sememangnya menyaksikan satu lagi peningkatan prestasi yang amat membanggakan dalam memandu kecemerlangan UMP.

Di akhir tinta, semoga pembaca terus setia menjengah kejayaan dan pencapaian terbaik UMP menerusi wadah terkini ini.

**Abd Rahman Haji Safie**



# KDYTM Tengku Puan Pahang lancar Persatuan Matahari UMP

Peredaran zaman dan masa memperlihatkan peratusan tinggi penyertaan wanita dalam sektor ekonomi dan pentadbiran menuntut golongan ini agar melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran yang datang.

"Perkembangan ini harus dilihat sebagai suatu pengiktirafan terhadap merit dan kualiti yang ada kepada golongan wanita terutamanya mereka yang dilantik memegang jawatan penting dalam organisasi serta membuat dasar atau keputusan," titah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj dalam Majlis Pelancaran Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (MATAHARI) yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP pada 9 April 2010 yang lalu.

Titah baginda, penubuhan Persatuan MATAHARI menggambarkan kesedaran yang tinggi bagi golongan wanita di UMP untuk bersatu menyumbang bakti kepada masyarakat sejagat khususnya kepada komuniti universiti. Persatuan perlulah memperlihatkan peranan sebagai pengupaya kepada agenda kesukarelaan atau *volunteerism*.

Bersempena majlis pelancaran persatuan ini juga turut diadakan majlis meraikan kejayaan Kebawah Duli Yang Teramat Mulai Tengku Puan Pahang atas penganugerahan "Special Jury Prize Gourmand World Cook Book Awards" bagi Buku Air Tangan Masakan Tradisional Pahang dalam pameran buku masakan peringkat antarabangsa di Paris penghujung tahun lalu.

Menurut Presiden Persatuan Wanita UMP (MATAHARI), Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, menyedari peranan persatuan terhadap kepentingan pembangunan masyarakat ini, pihak Persatuan Matahari dengan kerjasama Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) mengambil inisiatif mendekati masyarakat melalui perkongsian ilmu dengan mengadakan

program pendidikan sepanjang hayat.

"Dengan Pelancaran Persatuan Matahari, pihak persatuan telah merancang beberapa program dengan kerjasama Jabatan Pendaftar UMP, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Pahang.

"Persatuan juga dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar UMP, JHEOA dan Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) telah menjayakan program Jom Masuk U kepada seramai 130 pelajar Orang Asli (Orang Kita) sekitar negeri Pahang semasa Karnival Pengajian Tinggi Negara (Zon Timur) baru-baru ini," katanya.

Menurut beliau, bagi mengukuhkan kedudukan persatuan, sokongan padu daripada Datin Fazia Ali sebagai Penasihat Persatuan MATAHARI yang juga isteri kepada Naib Canselor UMP menguatkan semangat persatuan untuk membangunkan persatuan yang terdiri daripada staf wanita dan isteri kepada staf UMP," ujar beliau.

Selain itu, antara aktiviti yang diadakan semasa program berkenaan berlangsung ialah Kempen Derma Darah, Kempen Kurangkan Penggunaan Plastik (Tapau Mania), Ceramah Kesihatan dan jualan pelbagai produk serta barang dalam Karnival Wanita.

Konsert Amal MATAHARI 2010 merupakan acara kemuncak yang diadakan pada sebelah malamnya menarik minat lebih 3,000 orang hadir membanjiri Kompleks Sukan UMP menyaksikan persembahan artis terkenal tanah air iaitu Amy Search, Faizal Tahir dan Farah AF2.

Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) berjaya mengumpul dana penajaan lebih daripada RM 130,000 dan sebahagian daripada hasil penajaan berkenaan akan disumbangkan ke Tabung Kebajikan 1Malaysia UMP bagi membantu pelajar yang mengalami masalah beban kewangan dalam tempoh pengajian di UMP.



**Jalinan Kerjasama****SIGNING CEREMONY OF TERM FINANCING**

between

AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD &amp; UMP HOLDINGS SDN. BHD.

for

Islamic Term Financing Facility of RM137.7 Million

witnessed by

YB DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN

Minister of Higher Education, Malaysia

1 March 2010/ 15 Rabiul Awal 1431H



Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan terus beroperasi di kampus Gambang setelah termeterainya perjanjian jual beli hartanah melibatkan anak syarikatnya, UMP Holding Sdn. Bhd (UMPH), dengan Frontier Bond (M) Sdn. Bhd. dan MEC Industrial Park Sdn. Bhd sebagai pemilik hartanah pada 1 Mac 2010 yang lalu.

Manakala, Affin Islamic Bank Berhad merupakan bank pembiaya urusan pembelian hartanah ini.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, kedudukan Kampus Gambang yang terletak berhampiran dengan Lebuh Raya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi ini amat strategik dan berpotensi untuk lebih berkembang pesat.

Katanya, melalui pembelian hartanah ini, pihaknya percaya pelaburan ini membuka jalan ke arah usaha sama strategik antara tiga pihak serta menjadikan Gambang sebagai hab pendidikan di negeri Pahang.

"Pembelian ini juga sebagai langkah penjimatan setelah UMP membelanjakan kira-kira 1.8 juta setahun bagi menyewa bangunan di kampus Gambang ini," katanya.

Pada majlis berkenaan, UMPH diwakili oleh Pengarah Urusannya, Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, manakala Frontier Bond diwakili oleh Pengarahanya Ir. Kee Book Hee dan MEC Industrial Park Sdn. Bhd. pula diwakili oleh Pengarah Urusan, Eddie Yeo dalam satu majlis menandatangani perjanjian jual beli hartanah di Menara Affin Bank.

Pihak Affin Islamic Bank pula diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Kamal Ariffin Mohd. Jamil. Majlis turut disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Perjanjian yang menelan belanja sebanyak RM137.7 juta ini melibatkan Kompleks Pentadbiran Utama, makmal kejuruteraan, asrama pelajar, masjid UMP dan bangunan di Kompleks Perkhidmatan Siswa termasuk makmal di Blok X, Y, dan Z.

Hadir sama Pengurus Affin Bank dan Affin Islamic Bank Berhad, Tan Sri Dato' Seri Ismail Haji Omar, Pengurus Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib, Pengurus Besar UMPH, Mohamad Nazri Musir dan Bendahari UMP, Zainuddin Othman.

## UMP kekal beroperasi di Kampus Gambang





## Tanggungjawab sosial dan berpesatuan bantu mahasiswa dapat pengalaman berharga - Dato' Saifuddin



Lebih 300 pelajar di kalangan pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang mewakili persatuan dan jawatankuasa hadir untuk beramah-mesra dengan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Saifuddin Abdullah sempena Majlis Malam Apresiasi Kepimpinan Mahasiswa yang diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 6 Mac 2010 yang lalu.

Majlis itu diadakan bagi meraikan mahasiswa yang telah berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi semasa melaksanakan Minggu Induksi Siswa (MINDS) 2009, Majlis Pembukaan dan Penutup Expoconvo sempena Majlis Konvokesyen & Komemoratif Konvokesyen Ke-4 UMP dan penganjuran program pelajar sepanjang tahun 2009.

Menurut Dato' Saifuddin, pembabitan pelajar dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dan berpersatuan akan membantu golongan muda ini mendapatkan pengalaman yang begitu berharga.

"Situasi ini akan dapat dirasakan pelajar sewaktu berada dalam kehidupan sebenar dan sewaktu berada dalam alam pekerjaan.

"Mahasiswa juga memerlukan suara mereka sebagai orang muda didengar, peranan pelajar diiktiraf dan menyelesaikan permasalahan pelajar disesuaikan dengan cara dan keperluan mereka," ujarnya.

Yang di-Pertua MPP Sesi 2008/2009, Mohd. Suffi Kamari berkata, pemimpin pelajar merupakan duta-duta kecil yang dilantik universiti untuk menyumbang tenaga dan usaha membangunkan universiti dan negara.

Manakala, Timbalan Yang di-Pertua MPP Sesi 2009/2010, Nor Hafizah Abdul Razak berkata, beliau dan barisan kepimpinan MPP yang baharu akan berusaha bersama pihak universiti untuk menggunakan kreativiti memperjuangkan kebijakan pelajar.

Beliau yakin gagasan mahasiswa peduli menjadi kerangka mahasiswa bersama dengan barisan kepimpinan MPP, pemimpin persatuan dan pengurus kelab untuk berganding bahu menjayakan agenda mahasiswa.

Turut hadir Pemangku Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin dan Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Profesor Dr. Yusarie Zainuddin.





## **KSU KPT lawat Kampus Tetap UMP di Pekan**

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT), Yang Berbahagia Dato' Dr. Zulkifli A Hassan telah meluangkan masa untuk hadir dalam lawatan kerja ke Kampus Tetap Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kuala Pahang, Pekan, Pahang pada 22 Mac 2010 yang lalu.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, lawatan hari ini adalah untuk meninjau perkembangan dan pembangunan yang sedang dilaksanakan di tapak Kampus Tetap UMP Pekan.

Kehadiran Dato' Dr. Zulkifli disambut mesra oleh Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee dan Bendahari, Zainuddin Othman serta pegawai kanan universiti.

Turut serta di dalam lawatan kerja

tersebut ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPT, Dr. Ramli Hassan, Setiausaha Bahagian Pembangunan KPT, Dato' Mohamed Hussain dan delegasi mewakili KPT, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pengarah Kerja daripada 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.

Dalam ucapan aluannya, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi di atas sokongan berterusan dan pemudahcaraan dalam urusan yang berkaitan dengan pembangunan fizikal UMP.

Katanya, dalam Fasa 1A, UMP Pekan telah beroperasi sepenuhnya dengan menempatkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE).

Selain itu, pembangunan yang sedang giat dibangunkan adalah

Asrama, Perpustakaan dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

Menurutnya, UMP akan terus berupaya merencana perkembangan masa depan universiti dengan lebih strategik, termasuk penempatan fakulti, mobiliti staf dan pelajar serta jaringan industri di UMP Pekan dan UMP Kampus Gambang.

Dato' Dr. Zulkifli juga melahirkan rasa berpuas hati dengan perkembangan pembangunan kampus ini, walau bagaimanapun beliau berharap agar semua projek dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan bagi merealisasikan harapan warga kampus.

Delegasi juga dibawa melawat Makmal FKM dan FKEE yang telah memulakan operasi sejak bulan Julai tahun lalu.

Hadir sama, Dekan FKM, Profesor Dr. Rosli Abu Bakar, Dekan FKEE,

Ir. Zulkeflee Khalidin, Pengarah Kerja Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH), Tuan Haji Rosdi Mohamed dan Timbalan Dekan Jabatan Kejuruteraan Pembuatan, Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff.

Pada sebelah paginya, UMP telah dipilih menjadi tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan IPTA Bilangan 3/2010 yang dipengerusikan oleh Dato' Dr. Zulkifli.

Seramai 70 orang hadir di kalangan Pengarah Kerja daripada 20 IPTA, pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR), dan wakil Kementerian Kewangan Malaysia dalam mesyuarat yang diadakan di Dewan Bankuet Bangunan Canseleri UMP.

Lawatan ke UMP ini merupakan kunjungan kali kedua Dato' Dr. Zulkifli semenjak beliau memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Pengajian Tinggi.



# MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT OLEH BANK ISLAM

Pada : 17 Februari 2010  
 Masa : 10.30.Pagi  
 Tempat: Dewan Bankuet, Canseleri



## BIMB sumbang wang zakat RM30,000 bantu pelajar miskin UMP

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima bantuan wang zakat RM30,000 dari Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk kemudahan pelajar UMP yang mempunyai masalah beban kewangan sepanjang pengajian mereka di UMP.

Pada majlis itu, UMP diwakili oleh Naib Canselornya, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pemangku Dekan Jabatab Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin.

Sumbangan disampaikan oleh Pengurus Besar Perhubungan Strategik BIMB, Dato' Wan Ismail Wan Yusoh dengan diiringi Pengurus Perniagaan Pelanggan Wilayah Timur, Azmi Abdullah dalam satu majlis ringkas di Dewan Bankuet Canseleri UMP Gambang pada 16 Februari 2010 yang lalu.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, dengan bantuan wang zakat ini diharap

pelajar dapat memanfaatkannya untuk menampung keperluan pembelajaran mereka dan meringankan beban keluarga.

"Tahun ini merupakan tahun kedua UMP menerima bantuan wang zakat daripada pihak BIMB.

"Tahun lalu, sebanyak RM 20,000 daripada Tabung Amanah Zakat UMP telah diagihkan kepada 30 pelajar yang berkelayakan," katanya.

Turut hadir Pengurus Perhubungan BIMB, Syed Ahmad Kamir Syed Khairuddin, Pengurus Perbankan Korporat Negeri, Azizul Rahman Osman, Pengurus Cawangan Putra Square Kuantan, Amirudin Mohamed Ariffin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari, Zainuddin Othman dan Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee.



## Sekatan Bersepadu jayakan Kempen Keselamatan Jalan Raya UMP



*"Pelaksanaan program ini akan mendidik warga universiti mengamalkan sikap bertanggungjawab semasa berada di jalan raya, tidak kira di dalam atau di luar kampus universiti,"*  
*- Prof. Dato' Dr. Daing Nasir*

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Cawangan Trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengadakan sekatan bersepadu terhadap kenderaan pelajar dan staf di pintu masuk Taman Teknologi & Inovasi (TTI) seawal jam 7.30 pagi pada 8 Februari 2010 yang lalu.

Bagi menjayakan program ini, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut hadir dalam menjalankan sekatan bersepadu dan menyampaikan brosur keselamatan jalan raya kepada warga kampus bagi menjayakan Kempen Keselamatan Jalan Raya anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dan Pejabat Keselamatan Jabatan Pendaftar.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, UMP mengambil inisiatif mendidik masyarakat kampus untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran keselamatan jalan raya.

"Pemeriksaan kepada pemandu dan kenderaan pada hari ini hanya merupakan peringatan awal sahaja dan pihak universiti akan mengambil tindakan penguatkuasaan di dalam kawasan kampus selepas kempen berakhir.

"Pelaksanaan program ini akan mendidik warga universiti mengamalkan sikap bertanggungjawab semasa berada di jalan raya, tidak kira di dalam atau di luar kampus universiti.

"Staf UMP juga tidak terkecuali daripada

dikenakan tindakan sekiranya melanggar peraturan lalu lintas dalam kawasan kampus," ujar beliau lagi

Katanya, warga universiti adalah agen perubahan dan setiap individu mempunyai peranan untuk mematuhi peraturan. Sekiranya ianya tidak berlaku, maka tiada salah bezanya antara universiti dengan agensi lain.

Sementara itu, menurut Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Dato' Baharuddin Mohd. Yusop, pihaknya akan memberi kerjasama kepada UMP untuk menjalankan program kesedaran keselamatan jalan raya kepada seluruh masyarakat.

Seramai 100 penunggang motosikal juga telah menerima topi keledar keselamatan percuma daripada pihak JKJR bagi menggantikan topi keledar yang rosak dan tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan.

Kempen keselamatan yang julung kali diadakan itu bermula pada 8 Februari dan berakhir 16 Mac 2010. Lain-lain program yang dijalankan ialah ceramah keselamatan dan pameran keselamatan lalu lintas.

Turut hadir Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Pemangku Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin, Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Mohd. Aedlan Nur Ahmad dan barisan kepimpinan MPP.

# UMP lancar Tabung Kebajikan 1Malaysia



Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim melancarkan Tabung Kebajikan 1Malaysia dan Kelab 1Malaysia sebagai usaha menyokong Gagasan 1Malaysia yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 12 Mac 2010 di UMP Kampus Gambang.

Menurutnya, inisiatif ini diambil bagi mencari titik pertemuan dan persamaan dalam kepelbagaiannya latar belakang dan menyatukan mahasiswa UMP yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan tempat asal.

"Melalui Kelab 1Malaysia yang ditubuhkan ini, kepimpinan kelab perlu bijak memanfaatkan ruang dan peluang untuk mengelolakan program bagi menggalakkan patriotisme di kalangan mahasiswa yang terarah kepada aspirasi 1Malaysia."

"Inilah masanya mahasiswa menonjolkan keunikan suasana kampus yang majmuk dan harmoni tanpa prasangka, segmentasi kaum dan ekstremisme ideologi," ujarnya.

Melalui penubuhan Tabung Kebajikan 1Malaysia UMP, ianya dapat membantu sesetengah mahasiswa yang mengalami

kesempitan kewangan dan satu jawatankuasa dibentuk bagi memastikan saluran bantuan diberikan kepada mahasiswa yang benar-benar layak menerimanya.

Pada majlis yang sama diadakan ceramah Gagasan 1Malaysia yang disampaikan oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Haji Shahlan Ismail.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd, Pemangku Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin, Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Profesor Dr. Yusarie Zainuddin, Pengarah Cawangan Mahasiswa dan Remaja Biro Tatangara, Hudrus Haron, Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Mohd. Aedlan Nur Ahmad dan Pengerusi Kelab 1Malaysia UMP, Abang Fairul Syarmil Abang Mohammad.

Lebih 200 pelajar yang terdiri daripada ahli Kelab 1Malaysia, Kor Sukarelawan Siswa Polis (SUKSIS), Majlis Tertinggi Kelab dan persatuan hadir dalam majlis pelancaran tersebut.



# UMP tanam pokok hijaukan sekitar kampus

"Seluruh dunia merasai kesan pemanasan global dan usaha menghijaukan bumi merupakan suatu sumbangan yang boleh dilaksanakan oleh semua orang," ujar Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dr. Ahmad Othman ketika merasmikan Hari Alam Sekitar, di UMP Gambang pada 21 Februari 2010 yang lalu.

Penganjuran Hari Alam Sekitar itu adalah bertepatan dalam keadaan dunia berhadapan dengan isu pemanasan global pada masa ini.

Menurut Profesor Dr. Ahmad, kita harus meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar dengan memupuk semangat cintakan alam sekitar.

"Dengan adanya aktiviti penanaman pokok-pokok ini, persekitaran kampus akan menjadi lebih indah dan wujudkan persekitaran hidup yang sihat.

"Semua pihak harus memberi sokongan dalam menyekat aktiviti pencemaran alam sekitar," katanya semasa menanam pokok mangga atau nama saintifiknya *Mangifera Indica Linn*.

Sementara itu, menurut Ketua Program

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT), Profesor Madya Dr. Mohd. Fadzil Mohd. Idris, yang juga merangkap Pengurus Program, penganjuran program ini akan memberi kesedaran kepada kita untuk mencintai alam sekitar.

"Menerusi program ini, pelajar akan diberi tanggungjawab untuk menanam pokok mangga secara berkumpulan di sekitar kampus UMP.

"Selain itu, pelajar juga berpeluang membentangkan poster mengenai kesan perubahan cuaca, pemanasan global, pencemaran alam sekitar dan isu persekitaran," katanya.

Manakala menurut Timbalan Pengarah Projek, Sharifah Kadir yang juga pelajar Tahun 2, Sarjana Muda Pengurusan Projek berkata, program ini membantu pelajar memahami isu alam sekitar dan perihatin terhadap tanggungjawab menghijaukan bumi.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan & Pekerjaan Malaysia, Profesor Dato' Dr. Ir. Johari Basri yang juga merupakan Profesor Tamu UMP dan Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.





# Persatuan MATAHARI sumbang RM10,000 bantu Dana Tabung Kebajikan 1 Malaysia UMP

Menyedari keperluan dana bagi membantu pelajar meringankan beban kewangan untuk meneruskan pengajian di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) mengambil inisiatif mengadakan program amal bersempena Majlis Pelancaran Persatuan MATAHARI yang diadakan pada 9 April 2010 alu bertempat di Kompleks Sukan UMP.

Sumbangan bernilai RM 10,000 disampaikan oleh Presiden Persatuan MATAHARI, Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim kepada Presiden Kelab 1Malaysia UMP, Abang Fairul Sharmil Abang Mohammad dalam satu majlis ringkas di Dewan Bankuet Bangunan Canseleri pada 26 April 2010 yang lalu.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Penasihat Persatuan MATAHARI, Datuk Fazia Ali.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, Kelab 1Malaysia UMP harus meneruskan usaha untuk mengumpul dana untuk Tabung Kebajikan 1M ini seterusnya menyalurkan sumbangan kepada pelajar yang memerlukan.

Manakala menurut Dr. Mimi, persatuan prihatin terhadap kebajikan pelajar dan mengambil inisiatif membantu dalam menyalurkan sumbangan bagi mengurangkan beban kewangan pelajar.

"Persatuan MATAHARI yang terdiri di kalangan staf wanita dan isteri staf UMP ini baharu ditubuhkan pada Disember tahun lalu.

"Persatuan turut merancang untuk mengadakan beberapa program dengan kerjasama UMP dan agensi luar bagi mengumpul dana persatuan seperti penganjuran program khidmat komuniti, program pembangunan wanita, persidangan antarabangsa dan lain-lain," katanya.

Sementara itu, Abang Fairul Sharmil Abang Mohammad berkata, pada masa ini jumlah sumbangan mencencah angka RM 20,000 dan sumbangan akan diberi kepada pelajar dari kalangan keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM 1,000 ke bawah dan bagi anak yatim.

Pihaknya juga sedang menyenaraikan pendek pelajar yang layak menerima bantuan dan pelajar dijangka akan menerima bantuan mulai semester pengajian akan datang secara 'one off'.

Hadir sama di majlis berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari UMP, Zainuddin Othman dan Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee dan Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin.



# ***UMP 1Family*** eratkan silaturahim kekeluargaan





Lebih 900 orang staf dan keluarga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkampung di Bukit Gambang Resort City (BGRC) bagi menjayakan Program Hari Keluarga UMP pada 27 Mac 2010 yang lalu.

Program anjuran Kelab Kebajikan & Sukan Staf (BKSS) UMP itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada staf UMP yang datang bersama ahli keluarga masing-masing.

Majlis dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Hadir sama Pengurus BKSS, Tuan Haji Mustafa Ibrahim yang juga Pendaftar UMP, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan pegawai-pegawai kanan universiti.

Menurut Tuan Haji Mustafa, aktiviti seumpama ini memberi ruang dan dapat dimanfaatkan kepada semua ahli dalam usaha mengeratkan hubungan silaturrahim serta kekeluargaan sesama staf UMP.

Katanya, jumlah staf UMP kini mencapai angka 1,500 orang dan penganjuran Program Hari Keluarga bertemakan "UMP 1Family" ini amat

bertepatan sekali.

"Secara tidak langsung staf akan dapat lebih mengenali antara satu sama lain," katanya.

Sementara itu, Pengarah Program, Raizalhilmy Mohd Rais berkata, program ini adalah menjadi platform penting dalam usaha mengeratkan ukhuwah dan kekeluargaan di antara warga UMP.

Jelasnya lagi, pelbagai aktiviti diadakan sempena hari keluarga itu, antaranya acara sukan-sukan seperti Skiing Makcik, Tarik Tali, Giant Slippers untuk dewasa dan kanak-kanak seperti Lari Kutip Gula, Steping Balloons, Musical Chair dan tidak ketinggalan juga acara cabutan bertuah yang menawarkan lebih 300 hadiah menarik, antaranya peralatan elektrik dan hamper.

"Hadiah utama berupa sebuah motosikal berkuasa 100 cc dimenangi oleh Noor Hafidza Ramlee dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).

"Menariknya, Hari Keluarga pada tahun ini, turut memberi peluang kepada ahli keluarga untuk merasai keseronokan bermain di taman tema air yang cantik dan menarik," katanya.

***“.....aktiviti seumpama ini memberi ruang dan dapat dimanfaatkan kepada semua ahli dalam usaha mengeratkan hubungan silaturrahim serta kekeluargaan sesama staf UMP.” - Tuan Haji Mustafa Ibrahim***





Lebih 500 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) memanfaatkan Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan buat julungnya kalinya di perkarangan lobi, Kompleks Pentadbiran Utama, UMP pada 31 Mac 2010 yang lalu.

Program bertemakan ‘Tunaikan Tanggungjawab Anda Sebagai Penjawat Awam’ itu adalah anjuran bersama Jabatan Pendaftar dan Jabatan Bendahari.

Program yang dibuka seawal jam 9 pagi itu telah memberi ruang dan peluang bagi pengunjung untuk mendapatkan maklumat berguna di samping memenuhi kehendak dan kepuasan di kalangan pelanggan.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim turut hadir untuk meninjau program berkenaan.

Menurut Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, program ini telah berjaya mendapat kerjasama dan sambutan yang menggalakkan dari staf dan mencapai objektif yang ditetapkan.

“Tujuan program sehari ini diadakan adalah sebagai satu pendekatan menyeluruh untuk memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan.

“Saya bercadang akan mengadakan program seumpama ini pada Julai dan Disember tahun ini sebagai usaha untuk meningkatkan konsep tadbir urus yang telus dan berintegriti melalui perkhidmatan pelanggan yang responsif, mesra dan cepat,” katanya.

Agensi-agensi luar seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Pusat Zakat Negeri Pahang, Lembaga Tabung Haji dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) turut menyertai program ini.

Selain itu, perkhidmatan dalaman yang disediakan oleh pihak Jabatan Pendaftar dan Jabatan Bendahari serta Penerbit UMP adalah merangkumi kemudahan seperti perubatan, perkhidmatan dan saraan, urusan cuti belajar serta pelbagai pinjaman, mengemas kini maklumat Modul Pengurusan Rekod Peribadi melalui Human Resource Management Information System (HRMIS), penjualan buku-buku ilmiah terbitan UMP dan lain-lain.

Syarikat pemaju perumahan, Sentoria Harta Sdn. Bhd. turut mempromosi dan menambat perhatian staf UMP yang berminat membeli rumah di kawasan Gambang, berhampiran dengan Bukit Gambang Resort City.

Selain itu, sesi taklimat khas Amanah Saham 1Malaysia dianjurkan oleh pihak PNB turut menarik minat warga UMP untuk membuat perancangan pelaburan dalam saham berkenaan.

# Hari Bertemu Pelanggan pikat 500 staf



***“Tujuan program sehari ini diadakan adalah sebagai satu pendekatan menyeluruh untuk memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan,”***  
***- Tuan Haji Mustafa Ibrahim***



## UMP mahu staf wanitanya yakin dan bergaya

Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (MATAHARI) telah mengambil inisiatif baharu bagi menampilkan staf wanitanya agar tampil bergaya dan berkeyakinan dalam usaha menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

Justeru, pada 6 April 2010 yang lalu, MATAHARI telah menganjurkan Kursus Tatarias dan Keterampilan Diri kepada pegawai dan staf wanitanya sebagai panduan untuk kelihatan lebih menarik di Dewan Bankuet, UMP Gambang.

Kursus sehari itu yang disertai kira-kira 100 peserta telah menjemput dua jurusolek profesional iaitu Izzat dan Nasha Naslimy Aziz dari Izatt Academy & Studio.

Sepanjang kursus berlangsung, peserta diajar dengan teknik-teknik solekan yang betul dan memahami serta mengetahui jenis-jenis produk yang digunakan.

Apa yang lebih menarik ialah peserta turut diajar teknik solekan mengikut usia 20-an, 30-an dan 40-an.

Ketua Timbalan Pendaftar, UMP yang juga merangkap Penasihat MATAHARI Datin Fazia Ali berkata, tujuan kursus

itu diadakan supaya pegawai dan staf wanita UMP lebih berkeyakinan untuk tampil ke pejabat dengan penuh bergaya.

"Walaupun kecantikan dalaman lebih penting daripada luaran tetapi tidak salah jika kita menjaga kedua-duanya.

"Dengan mempraktikkan teknik solekan yang betul, setiap wanita akan tampil lebih berkeyakinan, selain kelihatan anggun dan menawan.

"Memiliki alat solekan yang mahal sahaja tidak mencukupi sekiranya tidak mengetahui cara penggunaan yang betul," katanya.

Manakala menurut Penolong Pendaftar Kanan, Unit Perundungan UMP, Datin Hajah Wan Maizurina Wan Othman, teknik solekan yang betul membantu setiap wanita kelihatan lebih cantik dan berkeyakinan.

Bagi Penolong Pendaftar, Jabatan Penyelidikan & Inovasi UMP, Nor Irma Mustapa Kamal pula, kursus seumpama itu wajar diteruskan kerana banyak memberi manfaat terutamanya kepada wanita yang berkerjaya.





## Maulidur Rasul UMP disambut secara sederhana

Sambutan Maulidur Rasul peringkat Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada tahun ini disambut secara sederhana tetapi cukup bermakna apabila penganjuran kali ini dilaksanakan melalui kerjasama Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIPI), Sahabat Masjid (SAHAM) dan Perwakilan Kolej Kediaman (PEKA) menerusi Program Kembara Maulidur Rasul pada 28 Februari 2010 yang lalu.

Menurut Pengarah PIPI, Dr. Hassan Ahmad, bersempena sambutan Maulidur Rasul itu, pelbagai aktiviti telah dirancang antaranya pertandingan Musabaqah, Konsert Kembara, gerai jualan dan acara kemuncaknya perarakan kontinjen yang mewakili fakulti dan persatuan.

Beliau turut menasihatkan warga universiti agar dapat mencontohi sifat dan perjuangan Nabi Muhammad SAW dalam menjalani kehidupan.

Katanya, penghayatan maulidur rasul adalah lebih bermakna berbanding cara sambutan dilaksanakan.

Acara perarakan melibatkan lapan kontinjen mewakili fakulti dan kombinasi PEKA serta perwakilan pelajar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berarak bermula dari Masjid UMP menuju ke Kompleks Sukan Universiti sambil berselawat beramai-ramai.

Mendahului perarakan ialah Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pemangku Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin dan Pengarah PIPI, Dr. Hassan Ahmad.

Antara fakulti yang menyertai perarakan ialah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) bersama Dekan dan wakil pengurusan fakulti masing-masing.

Menurut seorang peserta perarakan, Siti Aisyah Shamshun Baharin, pelajar tahun 1, Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli berkata, sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini akan lebih meriah sekiranya lebih ramai peserta yang mengambil bahagian dalam perarakan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang sepanjang Karnival Kembara ini berlangsung. Turut diumumkan pemenang bagi pertandingan sepanduk dan perarakan dimenangi oleh kontinjen FKEE.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Pendaftar Tuan Haji Mustafa Ibrahim.



## Penyelidikan & Inovasi



# UMP menang 7 pingat dan Pameran Terbaik di MTE 2010



Universiti Malaysia PAhang (UMP) merangkul dua pingat emas, dua perak dan tiga gangsa pada Ekspos Teknologi Malaysia (MTE 2010) yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 4 hingga 6 Februari 2010 yang lalu.

Pingat emas dimenangi oleh Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari, dengan produk ciptaananya bertajuk *'Formulation a New Multipurpose Grease Using Bleaching Earth and Cooking Oil Wastes (From Waste to Wealth)'*.

Produk ini menggunakan minyak terpakai untuk menghasilkan gris serbaguna. Gris yang dihasilkan ini boleh digunakan untuk kebanyakan industri alat jentera seperti industri automotif yang

terdiri daripada kereta, pesawat, perkapalan dan sebagainya yang lebih menjimatkan kos daripada gris yang lain.

Selain itu, Dr. Hayder turut membawa pulang pingat perak menerusi projek *'Paddy Husk Wasters as a New Natural Solid Flow Improver for Turbulent liquid flow in Pipelines'*.

Seorang lagi penerima pingat emas ialah Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Youventharan Duraisamy dengan tajuk projek *'Tropical Peat Sampler with Built-in Extruder (TROPITER)'*.

Menerusi kajian ini, penyelidik menghasilkan alatan yang digunakan untuk mengambil sampel tanah bagi tujuan mengenal pasti ciri-ciri kekuatan

tanah gambut bagi tujuan pembinaan.

Pensyarah yang juga Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT), Profesor Dr. Ahmad Othman membawa pulang pingat perak dengan tajuk projek *'Method for Assessing an Organization or Individual using Technology Absorptive Matrix Software (TAMS) for Technology Transfer Purposes.'*

Menurut Profesor Dr. Ahmad Othman, perisian yang dicipta ini mampu memberi manfaat kepada individu atau sesebuah organisasi untuk memudahkan pemindahan teknologi dijalankan dengan lebih efektif. Pemindahan teknologi ini memudahkan sesebuah syarikat mengakses maklumat walaupun berada di

tempat yang berlainan.

Bagi penerima pingat gangsa pula terdiri daripada pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Kumaran Kadrigama, Pensyarah FKKSA, Dr. Iqbal Ahmed dan Pensyarah Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Dr. Noraziah Ahmad.

Di samping itu juga, UMP turut menang dalam Kategori Pameran Terbaik iaitu *Best Booth (barespace)*.

MTE 2010 kali ini menampilkan 499 produk penyelidikan dari 65 peserta termasuk agensi kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah dari dalam dan luar negara termasuk Korea Selatan, Poland, Taiwan, Singapura dan Sepanyol.

# **Penyelidik muda UMP raih 3 emas di ENVEX 2010**

Penyelidik muda dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) boleh berbangga dengan kemenangan meraih tiga pingat emas, dua pingat perak dan tiga gangsa dalam pertandingan Engineering Invention and Innovation Exhibition (ENVEX) 2010 anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) yang berlangsung di Dewan Besar UniMAP pada 2 hingga 4 April 2010 yang lalu.

Pingat emas diperoleh oleh dua penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) iaitu Nurul Atiqah Iliyani Malekke dan Shafura Abidi menerusi penyelidikannya bertajuk, 'The Development of Fungus sp. *Pycnosporus sanguinis* to Enhance The Performance of Artificial Bait for Attract Termites From Empty Fruit Bunch (EFB) as Environmental Friendly Pesticide.'

Penyelidikan yang diselia oleh pensyarah dari FKASA, Abdul Syukor Abd. Razak itu juga telah berjaya menarik minat juri dengan memenangi Anugerah Khas CIMA Engineering Excellence. Pemenang membawa pulang wang tunai sebanyak RM 2,000, trofi dan sijil penghargaan.

Pingat emas turut diterima oleh Nik Nor Aziati Abd. Aziz dan Nurul Afida Makhtar menerusi penyelidikan bertajuk 'Production of Succinic Acid From Glycerol Waste' dengan diselia oleh Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

Penyelidik muda, Tang Eng Siang dan Chia Khai Tee menerusi penyeliaan oleh Dr. Zularisam Ab. Wahid dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) juga memenangi emas dengan penyelidikan bertajuk 'Portable Submerged Membrane Bioreactor for Sustainable Bioreactor for Sustainable Batik Effluent Treatment'.

Dua pingat perak lagi dimenangi oleh penyelidik dari FKKSA, Nurul Hidayah Muhamad dan Nadira Ab. Aziz serta Siti Solehah Ahmad dan Rozialfi Alwaner.

Sementara itu, tiga pingat gangsa pula diraih oleh Law Dah Lit dan Norzatulakma Mohd. Kodori, Mohd. Shahir Hj. Zahari dan Mohd. Fauzi Abdul Ghani dari FKASA serta Nor Anira Abdullah dari FKKSA.

Kejayaan dalam penyertaan sulung daripada penyelidik muda UMP ini menyuntik semangat untuk menarik lebih ramai pelajar membudayakan reka cipta dan lebih inovasi bagi menyertai pertandingan di peringkat antrabangsa pada masa akan datang.



# UMP jana 85 ribu pendapatan hasil tangani isu lambakan buku ilmiah

Pemilihan tajuk projek bagi menyelesaikan isu lambakan buku ilmiah ternyata membawa hasil apabila kumpulan ‘Synergy’ dari Jabatan Penyelidikan & Inovasi berjaya memenangi Anugerah Inovasi Harapan dalam Konvensyen Kumpulan Kreatif & Inovatif (KIK) Peringkat IPTA kali Ke-6 tahun 2009/2010 yang diadakan di Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Kelantan pada 18 hingga 19 Februari 2010 yang lalu.

Ternyata kumpulan yang bertanding dalam kategori pengurusan ini berjaya memikat hati juri setelah projek KIK yang dipertandingkan dapat menyelesaikan masalah dan menjana pendapatan sehingga RM 85,000.

Sementara itu, Ketua Kumpulan ‘Synergy’, Abdul Rahman Ahmad berkata, pendekatan kumpulan dalam menangani masalah di jabatan ini sungguh praktikal dan boleh diaplikasikan di tempat kerja yang lain.

Kejayaan yang sama turut dikongsi oleh kumpulan ‘E-Lib’ dari Perpustakaan UMP yang berjaya menggondol Anugerah Persembahan Terbaik dalam Kategori Teknikal menerusi projek mereka yang bertajuk “Masalah Bookdrop Yang Gagal Proses Pemulangan Buku Kecil Atau Ringan”

Kumpulan E-Lib berjaya menangani masalah berkaitan bookdrop yang gagal berfungsi semasa proses pemulangan buku ringan di Jabatan Perpustakaan.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir, beliau berbangga dengan pencapaian ini kerana ianya merupakan penyertaan sulung UMP dalam konvensyen ini.

“Kejayaan ini akan memberi suntikan semangat kepada kumpulan yang sedang menjalankan projek KIK di UMP untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti dalam menambahbaik produktiviti di tempat kerja,” katanya.

Menurut Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, yang juga merangkap Pengurus Jawatankuasa Induk KIK berkata, UMP amat berbangga dengan pencapaian kedua-dua kumpulan ini.

Katanya, kedua-dua projek ini bukan sahaja berjaya di dalam pertandingan, malah dapat menyelesaikan masalah di jabatan dan memberikan keuntungan kepada universiti,” katanya.

Pada pertandingan tersebut, sebanyak 32 projek bagi kategori pengurusan dan teknikal melibatkan penyertaan daripada 11 IPTA telah dipertandingkan dalam pengajuran konvensyen pada kali ini.

Semua pemenang telah menerima piala yang disampaikan oleh Naib Canselor USM, Profesor Tan Sri Dato’ Dzulkifli Abd Razak dalam majlis penutup konvensyen yang berlangsung di Hotel Grand River View, Kota Bharu, Kelantan.





## UMP, Sapura Industrial jalin kerjasama dalam bidang pembangunan modal insan

Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) bergabung tenaga dengan Sapura Industrial Bhd (SIB), pengeluar alat ganti dan komponen automotif terkemuka dalam usaha menjalin kerjasama dalam bidang pembangunan modal insan.

Kerjasama terbabit turut merangkumi pelbagai aspek pembangunan modal insan antaranya bidang penyelidikan & pembangunan (R&D), penempatan pelajar untuk latihan industri atau penyelidikan, pembangunan kapasiti, kerjasama dalam pembangunan program atau kursus akademik dan perkongsian tenaga pakar dalam meningkatkan usaha menjana ekonomi dan teknologi baharu untuk dimanfaatkan bersama. Pada majlis manandatangani

memorandum perjanjian (MoA) itu, UMP diwakili oleh Naib Canselornya, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, manakala SIB diwakili oleh Ketua Eksekutifnya, Mohamad Razali Osman.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan pegawai-pegawai dari UMP dan SIB.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim semasa berucap pada majlis itu berkata, kerjasama tersebut relevan kerana UMP mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan.

"Dengan kepakaran dan sumber yang dimiliki oleh kedua-dua pihak, saya yakin jalinan kerjasama yang kukuh dapat

dijalankan.

"Selain dari bidang penyelidikan, peluang-peluang seperti peningkatan teknologi, pembangunan modal insan, perkongsian pengetahuan serta pengkomersialan produk dapat dilaksanakan."

"Malah, UMP bersedia berkongsi masalah industri yang dihadapi oleh SIB untuk dijadikan bahan penyelidikan," kata beliau selepas majlis MoA di Bandar Baru Bangi pada 25 Januari 2010 yang lalu.

Daing Nasir berkata, sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), UMP sentiasa bersedia untuk berkongsi masalah yang dihadapi pihak industri khususnya SIB. UMP mempunyai kepakaran inovasi,

teknologi dan penyelidikan yang boleh dimanfaatkan oleh SIB bagi meningkatkan mutu pengeluaran.

"Manakala SIB pula boleh membuka ruang bagi penyelidik dalam bidang *automotive product design & manufacturing skills, teknik dan peraturan*," katanya.

Jelas beliau lagi, melalui hubungan kerjasama ini juga membolehkan staf SIB untuk menyambung pengajian di UMP dalam program sarjana di bidang berkaitan.

Beliau berharap menerusi MoA ini, UMP dan SIB dapat mewujudkan kolaborasi strategik yang berterusan membabitkan aspek pendidikan, penyelidikan dan keusahawanan.



## UMP- UTHM jalin kerjasama strategik penyelidikan dan akademik



Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang juga merupakan rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical University Network* (MTUN) mencatat sejarah bahawa apabila bersetuju bergabung kepakaran dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pembangunan akademik.

Kerjasama strategik itu akan melibatkan kerjasama penyelidikan & pembangunan (R&D), antaranya melibatkan aktiviti penyelidikan di Taman Negara Endau-Rompin, program pertukaran staf, mobiliti pelajar, pembangunan modal insan bagi melahirkan jurutera yang kompeten dan memenuhi piawaian industri, pembangunan program atau kursus akademik dan perkongsian tenaga pakar dalam meningkatkan usaha menjana ekonomi serta teknologi baharu untuk dimanfaatkan

bersama.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu diadakan pada 20 April 2010 yang lalu di Dewan Bankuet, Canseleri, UMP diwakili oleh Naib Canselornya, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, manakala, Naib Canselor UTHM, Profesor Dato' Dr. Mohd. Noh Dalimin dan Pendaftar UTHM, Tuan Haji Sulam Hamid mewakili UTHM.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, sebagai IPTA, UMP dan UTHM mempunyai persamaan dari segi aspirasi, hala tuju dan obligasi.

“Kepakaran, penyelidikan, pengalaman dan pencapaian kedua-dua universiti ini dapat dimanfaatkan secara kolektif untuk kecemerlangan bersama.

“Dengan kepakaran dan sumber yang dimiliki, saya yakin jalinan kerjasama yang kukuh dapat dijalankan. Kedua-dua universiti ini memerlukan komitmen yang tinggi bagi merealisasikan hasrat kerjasama ini.

“Diharap menerusi MoU ini, UMP dan UTHM dapat mewujudkan kolaborasi strategik yang berterusan membabitkan aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pembangunan akademik,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Profesor Dato' Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan pihak UMP dalam membangunkan penyelidikan di Taman Negara Endau-Rompin yang memerlukan pemuliharaan hutan, perlindungan hidupan liar dan alam sekitar.

“Hubungan kerjasama ini juga akan melibatkan hubungan

kerjasama dengan institusi lain seperti Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Perbadanan Taman Negara Johor.

Katanya, Kedua-dua universiti merancang untuk mengadakan ekspedisi dan World University Maraton pada tahun ini serta mensasarkan pengiktirafan Taman Negara Endau-Rompin sebagai ‘World Heritage Site’ yang diiktiraf dunia, “ katanya.

Delegasi UTHM seramai 30 orang yang terdiri daripada Dekan, Ketua Jabatan dan Pengarah itu turut berpeluang mendengar taklimat mengenai universiti masing-masing, bertukar pandangan dan melawat makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT), UMP.



## UMP tawar program Faschhochshule penuhi peluang pekerjaan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal menjadi universiti pertama yang menawarkan program ijazah berkembar dalam bidang Automotif dan Mekatronik berorientasikan model pendidikan Jerman (Fachhochshule) bagi pengambilan pelajar pada pertengahan tahun ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pelajar yang terpilih mengikuti program dengan kerjasama sebuah universiti di Jerman iaitu Hochschule Karlsruhe Technic Und Wirtschaft (HsKA) akan menerima dua ijazah serentak ketika tamat pengajian.

"Bagaimanapun, sebagai permulaan UMP akan memilih kira-kira 40 pelajar bagi mengikuti program Kejuruteraan Mekatronik yang dijadualkan bermula September ini. Manakala bagi kursus Kejuruteraan Automotif akan ditawarkan pada tahun depan," katanya.

Jelasnya, program ijazah berkembar ini terbuka kepada lepasan Matrikulasi, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Diploma Kejuruteraan dan lepasan Jerman Malaysia Institut (GMI) yang mendapat keputusan cemerlang.

"Setiap pelajar yang cemerlang layak memohon program ini terutama bagi pelajar GMI, program Asasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaya (UM).

"Pelajar lulusan program ini mempunyai peluang yang cerah meneroka pekerjaan di syarikat-syarikat terkemuka dari Jerman.

"Dengan ini hasrat Kerajaan melahirkan jurutera yang kompeten dan menepati kehendak pasaran industri dapat dicapai menjelang tahun 2020," ujar beliau.

*"Pelajar lulusan program ini mempunyai peluang yang cerah meneroka pekerjaan di syarikat-syarikat terkemuka dari Jerman,"*  
**- Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim**



## NC UMP dilantik Profesor Tamu Universiti Hebei China



Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dilantik sebagai Profesor Tamu Universiti Hebei di China, berkuat kuasa 1 Januari 2010 yang lalu selama dua tahun.

Pelantikan itu adalah berdasarkan latar belakang akademik dan kepakaran beliau yang cemerlang dalam mengukuhkan agenda pengantarabangsaan pengajian tinggi negara dengan beberapa universiti luar negara dengan tumpuan kepada jalinan kerjasama penyelidikan dan akademik.

Pelantikan beliau itu diumumkan Naib Presiden universiti itu, Profesor Wang Jun Xiang pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dan Universiti Hebei pada 1 Januari 2010 yang lalu di Hotel Pan Pacific, KLIA.

Sementara itu, Jun Xian berharap MoU ini dapat merapatkan hubungan kerjasama antara dua universiti ini terutama dengan pelantikan Profesor Dato' Dr. Daing Nasir sebagai Profesor Tamu di universiti itu.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, pelantikan ini merupakan satu penghormatan terhadap beliau dan juga UMP.

"Pelantikan ini merupakan lambang kerjasama jangka panjang antara kedua-dua universiti," katanya.

Menerusi MoU tersebut, UMP dan Universiti Hebei akan memberi penumpuan kepada kerjasama akademik termasuk pertukaran pelajar dan staf akademik.

Pada majlis itu, UMP diwakili Profesor Dato' Dr. Daing Nasir manakala Universiti Hebei diwakili oleh Timbalan Presidennya, Profesor Wang Jun Xiang.

Dr. Daing Nasir berkata, kita juga akan melihat kerjasama terhadap potensi penyelidikan melalui pelbagai bidang terutamanya pengurusan, kejuruteraan dan teknologi.

Hadir sama di majlis berkenaan ialah Profesor Dato' Dr. Sabaruddin Mohd, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Bai Gui, Dekan Sekolah Komunikasi, Dr. Cheng Enqing, Timbalan Dekan Sekolah Pengajian Antarabangsa dan Musa Li Yanlong, Pengarah Urusan DHB Education Training & Services Center Sdn. Bhd.

# Tan Sri Mahaleel pembuka tirai Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan UMP



Staf dan pelajar Universiti Malaysia PAHANG (UMP) sungguh teruja dengan penampilan tokoh terkemuka negara, Tan Sri Tengku Mahaleel dalam Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan yang julung kalinya diadakan di UMP sebagai pembuka tirai majlis pada 27 Januari 2010 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam ucapan perasmianya berkata, Majlis Syarahan Umum ini akan dijadikan medan bagi perkongsian pengalaman dan kepakaran dengan menjemput tokoh terkemuka termasuk daripada industri.

"Pelbagai topik akan dibincangkan dan pada kali ini membicarakan mengenai strategik pengurusan sumber manusia.

"Penglibatan Tengku Mahaleel di universiti ini adalah tidak asing lagi memandangkan beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi pertama Lembaga Pengarah UMP," katanya.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, pengurusan sumber manusia yang strategik menjurus kepada pembangunan kerjaya dan ianya bermula daripada aspek pengambilan pekerja.

"Penggunaan teknik temu duga yang berkesan mampu membantu organisasi mendapatkan calon yang kompeten mengikut keperluan organisasi," katanya.

Pada kali ini, program mengetengahkan pandangan perspektif Tengku Mahaleel mengenai sumber manusia. Beliau yang berpengalaman luas dalam sektor korporat, antaranya syarikat Nestle, Shell Malaysia dan pernah menerajui kepimpinan Proton Holding Berhad yang merupakan syarikat pengeluar kereta nasional.

Manakala menurut Tan Sri Mahaleel, organisasi hanya berupaya memperoleh 40 peratus dalam kebolehpercayaan dalam menilai calon semasa sesi temu duga dijalankan.

"Tempoh masa lima tahun adalah masa yang cukup untuk menilai tahap kecekapan seseorang pekerja," katanya ketika menyampaikan syarahannya yang bertajuk *Strategic Human Resource* di hadapan kira-kira 1,000 warga UMP, pelajar, pihak industri dan masyarakat sekitar.

Syarahan yang disampaikannya turut menyentuh kepelbagaiannya aspek dari semua sumber yang perlu digembbleng dalam menjana pembangunan sesebuah organisasi unggul secara holistik.

Katanya, pemilihan individu berketerampilan unggul adalah ciri-ciri khusus yang diperlukan bagi seorang pemimpin bagi melaksana tugas dalam era yang lebih mencabar.

Jelasnya lagi, pemimpin juga perlulah seorang yang mempunyai semangat jitu, kental dan berpandangan jauh.

Selain itu katanya, dalam mengungguli sesebuah institusi,

ilmu pengetahuan dan minat yang mendalam pada setiap tenaga kerja adalah pemangkin kepada usaha mencapai matlamat.

Oleh itu, beliau menyarankan agar setiap organisasi mengoptimalkan modal insan agar misi dan visi organisasi tercapai.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd. mengharapkan agar program yang dianjurkan melalui Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) ini mendapat komitmen dan sokongan daripada pihak agensi kerajaan dan pihak industri serta memberi inspirasi kepada warga universiti dan masyarakat komuniti setempat.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim dan barisan pengurusan tertinggi universiti.

# NC UMP ibarat sirih pulang ke gagang

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim diibaratkan sebagai Sirih Pulang ke Gagang apabila kehadirannya ke Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB) yang dikenali ramai sebagai English College (EC) sejak berpuluhan tahun dahulu mengimbau nostalgia yang masih segar diingatannya sepanjang pembelajarannya di bangku sekolah.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, perubahan masa telah meneguhkan lagi kewujudan Maktab ini sebagai sebuah institusi yang dibaluti tradisi dan mempunyai prestijnya yang tersendiri.

Beliau berkata demikian semasa diundang khas bagi merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang dan Mesyuarat Agung PIBG Maktab Sultan Abu Bakar Kali Ke-35 yang diadakan di Dewan Seri Budiman, MSAB.

"Masyarakat boleh berbangga dengan tradisi dan kelegasi kegemilangan MSAB, namun cabaran besar bagi Maktab sendiri bagi mengekalkan kecemerlangan Maktab untuk terus lestari.

"Lebih menarik, MSAB mempunyai kelebihan

dari segi bilangan alumninya yang ramai. Sudah pasti pengembangan tenaga dan minda ahli alumni secara strategik agar dapat menatiahkan pelbagai inisiatif kepada pelajar MASB.

"Pelbagai kepakaran di kalangan alumni dapat diklusterkan menurut keperluan dan keutamaan semasa dalam memperkasakan pencapaian akademik, kepimpinan, kurikulum dan sukan," katanya.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut menasihatkan pelajar supaya mengikis tanggapan mendapat kepujian akademik hanya dengan memperoleh segulung ijazah ataupun diploma kerana ini akan menjadikan seseorang itu menjadi jumud dan beku.

Menurutnya, pelajar pada masa ini perlu mentransformasi diri dalam memilih laluan akademik dan kerjaya sendiri. Ibu bapa dan guru juga perlu memainkan peranan membantu menentukan haluan dalam masa depan pelajar.

Sementara itu, Yang di-Pertua Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) MSAB, Zais Mohd Akil berkata, jemputan khas alumni ini merupakan tradisi Maktab bagi memberi motivasi kepada

pelajar untuk menyuntik semangat mencapai kejayaan dalam akademik dan kepimpinan.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut menyampaikan hadiah kepada 30 pelajar yang cemerlang dalam mengharumkan nama sekolah dalam bidang akademik, sukan dan kepimpinan sepanjang tahun lalu.

Penerima Anugerah All-Rounder Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), Amirul Hakim Noor Haizat yang cemerlang dalam akademik dan memegang jawatan sebagai Ketua Pengawas, Anugerah Pelajar Cemerlang Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2007 peringkat negeri Johor, Johan Syarikat Terbaik Tunas Bistari Negeri Johor dan Pengurus Kelab Boling Tenpin.

Pelajar ini juga meraih kejayaan dalam Pertandingan Antarabagsa untuk Sekolah The University of New South Wales 2005 (Bahasa Inggeris) dan Johan Syarikat Terbaik (Kru Syarikat Cemerlang 2006/2007) di Konvensyen Usahawan Muda Nasional ke-11.

Lebih 100 pelajar, ibu bapa dan guru hadir bagi meraikan kejayaan pelajar cemerlang. Hadir sama Pengetua MSAB, Tuan Haji Zulkifli Haji Mahmud dan pengurusan MSAB.





# Karnival 'Jom Masuk U' UMP diserbu 15,000 pengunjung

Lebih 15,000 pengunjung membanjiri Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 21 dan 22 Mac 2010 yang lalu dengan tagline 'Jom Masuk U'.

Karnival yang disertai Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta, agensi kerajaan serta institusi kewangan yang berlangsung di Kuantan selama dua hari itu mendapat sambutan pelajar terutamanya dari kawasan luar bandar.

Karnival yang diadakan di Taman Teknologi & Inovasi, UMP bermula pukul 9 pagi hingga 6 petang menyediakan lebih 100 gerai pameran untuk dikunjungi oleh kalangan pelajar sekolah, guru dan ibu bapa.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, objektif utama program tersebut adalah untuk mendidik serta memotivasi para pemohon serta menyebarluaskan maklumat tepat serta terkini mengenai peluang pendidikan di negara ini.

Karnival ini juga berperanan sebagai 'Pusat Sehenti Bermaklumat' dan merupakan program *Outreach* tahunan bagi Kementerian Pengajian Tinggi yang secara langsung mahu mendekati rakyat di kawasan bandar dan luar bandar.

Beliau turut mengalau-alukan kehadiran pelajar, ibu bapa, guru dan masyarakat setempat ke karnival ini bagi mendapatkan informasi yang tepat mengenai peluang melanjutkan pengajian ke IPT, Politeknik dan Kolej Komuniti, maklumat akreditasi serta bentuk pembentukan bagi pemohon yang terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang setaraf atau peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan yang setaraf dengannya.

"Pemohon yang berhasrat untuk mendapatkan tempat pengajian juga berpeluang menggunakan permohonan kemasukan ke IPTA melalui aplikasi dalam talian sepanjang karnival berlangsung," katanya.

Selain pameran dan pendedahan maklumat, karnival itu juga akan menjalankan beberapa aktiviti seperti kuiz, forum, khidmat nasihat, bimbingan, kaunseling pendidikan dan permohonan aplikasi atas talian. Serentak dengan program itu juga diadakan forum bersama guru-guru kaunselor yang diharap akan memberi penjelasan kepada pelajar sekolah masing-masing mengenai program KPTN.

Selain itu, bersempena dengan Jom Masuk U di UMP tahun ini, UMP dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah mengambil inisiatif mengadakan program Ceramah Kerjaya di kalangan pelajar Orang Asli pada 18 Mac lalu bagi membantu golongan ini membuat permohonan penempatan ke IPTA.

Sementara itu, menurut Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Dr. Rujhan Mustafa, kelebihan karnival pada kali ini pelajar dapat membuat semakan terus mengenai permohonan ke IPT berdasarkan kelayakan akademik.

Rata-rata pengunjung yang ditemui juga melahirkan rasa gembira dan menyambut baik akan penganjuran KPTN yang banyak memberi informasi terkini program pengajian yang ditawarkan di setiap IPT mengikut kelayakan akademik yang diperoleh oleh para pelajar.





# 130 pelajar Orang Kita berhimpun di 'Jom Masuk U'

Bersempena dengan penganjuran Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) yang berlangsung di UMP pada 20 dan 21 Mac yang lalu, Bahagian Pengurusan Akademik, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) telah mengambil inisiatif mengadakan program Jom Masuk U khusus kepada pelajar Orang Asli (Orang Kita) sekitar negeri Pahang pada 18 Mac 2010 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, UMP memahami kekangan dan keterbatasan peluang kepada pelajar Orang Kita untuk mengakses internet dari penempatan mereka, ekoran dari faktor geografi dan kesukaran liputan.

"Justeru, ruang dan peluang yang tersedia ini harus dimanfaatkan pelajar untuk membuat pilihan yang tepat," katanya.

Beliau menasihatkan pelajar agar dapat mencontohi pelajar pertama UMP dari masyarakat 'Orang Kita', Maslinda Abdul Samad yang berketurunan Semai dari Pos Telanok, Mukim Ringlet, Daerah Cameron Highlands yang sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek dalam tahun kedua di sini.

Maslinda turut hadir dalam program tersebut untuk memberi nasihat dan berkongsi pengalaman sebagai 'Orang Kita' yang pertama di UMP.

Menurut Presiden Persatuan Wanita UMP (Matahari), Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, persatuan akan terus bekerjasama dengan pihak JHEOA bagi memastikan pelajar 'Orang' Kita berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

"Kerjasama ini akan diteruskan dengan penganjuran kursus komputer kepada golongan ini yang diadakan bersempena Majlis Pelancaran Persatuan Matahari.

Seorang peserta berketurunan Asli Jakun, Barceloni Asli Chiu yang memperoleh 9A berkata, beliau berhasrat untuk menyambung pengajian dalam bidang kejuruteraan kimia.

Menurutnya, program membantu 'Orang Kita' ini sangat memberi manfaat dan perlu diteruskan pada masa akan datang. Pelajar bukan sahaja berpeluang membuat permohonan menggunakan aplikasi atas talian, malah berpeluang merasai kehidupan suasana di kampus dan mengikuti lawatan ke makmal kejuruteraan UMP, malah diberi taklimat mengenai kerjaya dan peluang pengajian mengikut pencapaian akademik pelajar.

UMP menyediakan 35 unit komputer bagi membantu pelajar menguruskan proses permohonan ke Unit Pengurusan Universiti (UPU).

Dalam majlis itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut menyampaikan cenderahati kepada pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee dan Penolong Pengarah (Penerbitan & Penerangan) Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli (JHEOA), Shamsuri Dollah.



# CAIC perkukuhkan inovasi dan daya saing akademik

Oleh: EMMA MELATI BURHANUDDIN

Sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang sedang berkembang maju bukan sahaja diukur menerusi statistik program yang ditawarkan dan bilangan yang diambil malahan ianya dilihat daripada pelbagai sudut iaitu sesuai dengan misi UMP yang antara lain menyatakan “*offering excellent academic programme*”. Excellent boleh diperlihatkan kepada pelbagai definisi seperti *outstanding, brilliant, extraordinary, tremendous, incomparabile* dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa program yang ditawarkan seharusnya yang terbaik dan mempunyai ciri-ciri inovasi dan daya saing yang tinggi. Sejajar dengan itu, maka kurikulum yang dibentuk perlulah relevan, terkini, inovatif dan kreatif selaras dengan perkembangan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi.

Sesuai dengannya, kaedah pengajaran dan pembelajaran juga sangat penting dalam menentukan pembangunan akademik seiring dengan kepesatan pembangunan negara. Maka pengajaran dan pembelajaran seharusnya dipelbagaikan demi menjana kompetensi di kalangan pelajar tanpa hanya bergantung kepada kaedah konvensional. Justeru, ianya perlu disokong dan dibantu oleh seluruh tenaga akademik sama ada di fakulti, pusat dan agensi menerusi penyediaan kemudahan, prasarana dan latihan yang mencukupi.

Ternyata menerusi penubuhan Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik atau lebih dikenali sebagai *Center for Academic Innovation & Competitiveness* (CAIC), maka pusat ini perlu memainkan peranan penting dalam merangka pelbagai kaedah untuk memastikan pengurusan kualiti akademik, pemantapan dan peningkatan profesionalisme staf akademik serta pembangunan program akademik baharu diberi fokus yang tinggi. Oleh yang demikian, terdapat tiga fungsi utama di bawah CAIC yang memainkan peranan penting untuk merangka program ke arah inovasi, kreativiti dan daya saing akademik.





## Penggunaan Tenaga Alternatif Mesra Alam bantu industri automotif elak pencemaran

"Penggunaan tenaga alternatif secara terancang dan kreatif boleh membantu industri automotif bagi meningkatkan pengeluaran produk khususnya dalam pembuatan kenderaan dengan lebih mesra alam pada masa akan datang," ujar Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Profesor Dr. Rosli Abu Bakar semasa menyampaikan ceramah '*Alternative For Tomorrow: Core Development In The Near Future*' dalam Majlis Syarahan Umum Profesor anjuran Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), di UMP Kampus Pekan pada 2 Mac 2010 yang lalu.

Menurut Profesor Dr. Rosli, Teknologi tenaga alternatif yang diperoleh melalui pelbagai ciptaan dan peralatan terkini boleh dipelbagaikan penggunaannya.

"Teknologi yang digunakan ini membolehkan industri beralih daripada menggunakan sumber petroleum kepada proses tenaga yang dihasilkan melalui bantuan alam sekitar seperti tenaga solar, angin, air dan udara.

"Selain mampu menjana industri automotif ke arah penghasilan produk yang bermutu, tenaga alternatif juga dapat mengurangkan penghasilan bahan tercemar berbanding penggunaan teknologi sebelum ini.

"Untuk mencapai hasrat tersebut, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu memainkan peranan dalam mempelbagaikan ciptaan tenaga alternatif dan menyalurkannya kepada industri untuk diaplikasikan," katanya.

Jelas beliau lagi, langkah mempelbagaikan penggunaan ciptaan tenaga sumber semulajadi ini juga dapat diterapkan dalam modul pendidikan kejuruteraan di IPT bagi menghasilkan tenaga jurutera negara yang lebih berdaya kreatif dan bersifat mesra alam.

Profesor Dr. Rosli mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang akademik dan giat menjalankan penyelidikan dalam bidang automotif dan kejuruteraan mekanikal. Beliau adalah lulusan daripada Seoul National Polytechnic University dan Hanyang University di Korea serta kini dilantik sebagai Profesor di UMP.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd., Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mohd. Rosli Yunus, Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari UMP, Zainuddin Othman dan Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee.

Syarahan Umum Profesor ini merupakan satu platform dan usaha universiti untuk julung-julung kalinya menganjurkan program untuk siri Syarahan Profesor di UMP.



# Peningkatan bilangan siswazah tingkatkan hasil penyelidikan universiti

“Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) digalakkan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi sekiranya ingin meningkatkan kualiti dan daya saing pelajar sebagai persiapan memasuki alam pekerjaan,” ujar Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato’ Dr. Sabarudin Mohd semasa berucap merasmikan Program Head Start Pengajian Siswazah di Blok W, UMP Kampus Gambang pada 2 April 2010 yang lalu.

Beliau berkata, peningkatan pelajar pengajiansiswazah secara tidak langsung akan dapat meningkatkan bilangan penyelidikan dan menyumbang kepada kegunaan dan faedah kepada masyarakat melalui penemuan-penemuan baharu dalam penyelidikan yang dijalankan.

“Ini adalah sebuah dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan IPTA sebagai pusat penyelidikan di mana hasilnya dapat digunakan oleh masyarakat dan negara.

“Persekutuan dunia kerjaya pada waktu ini amat menitikberatkan kelayakan akademik tertinggi yang diperoleh pelajar.

“Semakin tinggi kelayakan akademik maka semakin tinggi peluang pelajar

untuk bersaing dalam permohonan mengisi jawatan kosong atau kenaikan pangkat dan jawatan,” ujarnya.

Sementara itu, menurut Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Profesor Dr. Yusarie Zainuddin, pengajuran program ini bertujuan untuk memberikan penerangan dan kefahaman kepada pelajar prasiswazah mengenai kepentingan dan kelebihan melanjutkan pengajian ke peringkat siswazah di UMP.

“UMP juga telah menyediakan kemudahan terutamanya yang berkaitan dengan pembiayaan kewangan seperti Skim Biasiswa Kedoktoran (SBK) dan Graduate Research Scheme (GRS) bagi membolehkan para pelajar melanjutkan pengajian dengan lancar,” katanya.

Hadir sama Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian Siswazah, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Dr. Zularisam Abd. Wahid dan Presiden Kelab Pengajian Siswazah, Raja Saravanan Kumar.

Seramai 80 pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun akhir setiap fakulti dan pelajar daripada Fakulti Sains Industri (FIST) dan Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT) hadir dalam program ini.

# Jaringan kerjasama UMP dan sekolah kluster mampu memperlihatkan kejayaan

Jaringan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama dua buah Sekolah Kluster yang terdiri daripada Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib (SMART), Sekolah Kebangsaan (P) Methodist, Kuantan (MGS) ternyata mempelihatkan kejayaan.

Pelbagai program telah dijalankan berdasarkan kepada bidang kebitaraan sekolah (niche areas) iaitu sekolah cemerlang yang mempunyai bidang khusus yang dibangun dan dipertingkatkan untuk melonjakkan kekuatan pada sekolah dan menjadi watak sekolah. Antara bidang kebitaraan tersebut merangkumi aspek akademik, kurikulum, kebudayaan, sukan dan sebagainya.

Menerusi jaringan kerjasama ini juga ianya memperlihatkan beberapa kejayaan kepada sekolah yang terlibat sama ada melibatkan guru, murid dan pelajar serta pihak yang terlibat secara langsung.

Kejayaan telah dilakar bermula pada tahun 2009 apabila jaringan kerjasama di antara MGS dengan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP telah dinobat sebagai salah satu program yang aktif

dilaksanakan pada tahun 2008 berdasarkan penilaian pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).

Program Motivasi Peningkatan Sahsiah Warga Pendidik, Kursus Peningkatan Profesionalisme serta Kursus Bahasa Inggeris di kalangan Guru Bukan Opsyen dan Kakitangan Bukan Guru telah dipilih untuk dibentangkan sebagai program yang aktif kepada Sekolah Kluster Kecemerlangan di seluruh negara. Impak kepada program ini juga telah mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang sihat di MGS termasuk motivasi staf juga meningkat.

Baru-baru ini juga program jaringan kerjasama di antara UMP dengan SMART pula telah dipilih oleh pihak KPTM untuk dibentangkan bukan sahaja kepada Pengetua/Guru Besar Sekolah Kluster Kecemerlangan tetapi kepada wakil Institusi Pengajaran Tinggi Awam (IPTA) mengenai kejayaan dan impak yang diperoleh hasil daripada kerjasama tersebut.

Pelbagai program telah dijalankan di bawah *Teenager Research & Development Project* melibatkan bidang Kejuruteraan Mekanikal,

Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli. Hasil daripada kerjasama ini juga, secara tidak langsung pelajar SMART telah berjaya memenangi Pertandingan *Young Sciencties* yang dianjurkan oleh pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Malahan, hasil daripada proses pemindahan teknologi dan pengetahuan kepada para pelajar, ianya telah menarik minat pelajar SMART untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi.

Dalam pada itu, usaha sedang dirintis bersama dengan Sekolah Kebangsaan Bandar Dua Paloh Hinai, Pekan dalam melakar kejayaan pada masa akan datang. Program peningkatan dalam bidang teknologi maklumat telah dirangka dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini melibatkan pelajar dan pensyarah Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).

Oleh yang demikian, diharapkan jaringan kerjasama ini bakal memperlihatkan lagi kejayaan pada masa akan datang serta menjadi kebanggaan seluruh pihak sama ada di UMP maupun Sekolah Kluster sendiri.





Tarian..... Antara tarian yang dipersembahkan pada Pesta Sinar Ponggal.



Bersemangat..... Kumpulan Koir UMP membuat persembahan pada Majlis Perasmian Persatuan MATAHARI UMP.



Farah AF..... Antara artis yang membuat persembahan pada Konsert Amal MATAHARI 2010.



Lawak..... Anuar dan Iskandar membuat jenaka yang mencuit hati penonton pada Konsert Amal MATAHARI 2010.



Gendang..... Persembahan kebudayaan sempena Sambutan Tahun Baharu Cina

27 Januari 2010  
2:00 Pernoon  
Dewan  
Universiti



Cenderamata..... Profesor Dato' Dr. Daing Nasir menyampaikan cenderamata kepada Tan Sri Tengku Mahaleel sebagai penghargaan sempena Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan UMP.



Mesra..... KDYTM Tengku Puan Pahang bergambar bersama-sama penari Sewang 'Orang Kita'.



Salam..... Peminat berebut untuk bersalam dengan Amy Search selepas selesai Konser Amal MATAHARI 2010.



Bertuah..... Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd. menyampaikan hadiah kepada pemenang cabutan bertuah pada Hari Keluarga UMP.



Lari..... Antara acara yang dijalankan pada Hari Keluarga UMP iFamily.

Klik-Klik

LENSA

CREATE 35



## UMP – PSMZA bakal wujudkan kolaborasi akademik

Oleh: MOHD. HAFIS SAHARI

Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menerima kunjungan rasmi dari Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu (PSMZA) pada 24 Mac 2010 yang lalu.

Kunjungan itu yang diketuai oleh Pengarahnya Mejuri. (K) Zolkarnain Haji Jobshi turut disertai oleh staf pengurusan tertinggi PSMZA.

Kehadiran mereka telah disambut baik oleh Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMP, Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd.

Kunjungan tersebut bertujuan mengadakan perbincangan awal berhubung mewujudkan satu kerja kolaborasi antara pihak PSMZA dan UMP.

Perbincangan ini turut disertai bersama Dekan Fakulti, Pengarah dan Ketua Jabatan Pusat Tanggungjawab yang berkaitan.

Antara kerja kolaborasi yang telah dibincangkan adalah berkaitan kemasukan pelajar lepasan diploma PSMZA ke dalam program Ijazah Sarjana Muda UMP, peluang melanjutkan pengajian di peringkat siswazah bagi staf akademik PSMZA, menyediakan taklimat berhubung

kaedah dan tatacara memohon geran penyelidikan serta hasrat tenaga akademik PSMZA untuk menggunakan peralatan dan makmal bagi tujuan penyelidikan dan pendidikan warga politeknik.

Secara prinsipnya, UMP menyambut baik hasrat yang dikemukakan oleh pihak PSMZA dan satu Jawatankuasa Penggerak akan ditubuhkan untuk memastikan kolaborasi ini berjalan dengan baik.

Pada sebelah petangnya pula, sesi perbincangan diteruskan dengan sesi perkongsian idea mengenai pengurusan Latihan Industri dan Hal Ehwal Pelajar yang dilaksanakan di UMP.

Dalam sesi ini, JHEAA telah menerangkan serba ringkas mengenai peranan Unit Latihan Industri & Kebolehpasaran Graduan serta memberi penerangan berkenaan Sistem Latihan Industri secara atas talian yang digunakan bagi menguruskan segala permohonan Latihan Industri oleh pelajar.

Diharap agar kerjasama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dan hubungan antara PSMZA dan UMP dapat direalisasikan menerusi Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) yang bakal diadakan.



# Karnival ICT SMART-UMP meriah

Oleh: FINNY MOHAMED

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd. telah diberikan penghormatan bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Program Bulan & Karnival ICT SMART-UMP 2010 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib (SMART), Kuantan Pahang.

Program ini anjuran bersama di antara SMART dan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), UMP itu telah diadakan pada 17 April 2010 yang lalu. SMART adalah salah sebuah Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) yang ditindikkan dengan UMP di bawah program Jaringan Kerjasama UMP-Sekolah Kluster.

Majlis tersebut merupakan satu penghormatan pihak sekolah susulan beberapa kejayaan yang dilakar hasil kerjasama menerusi program SKK serta Dr. Sabarudin juga merupakan Alumni SMART pada tahun 1975.

Turut hadir Pengetua SMART, Hajah Normah Haji Abu Bakar, Pemangku Pengarah PTMK, Roslan Awang Abdul Rahman dan wakil dari Management & Science University (MSU), Shuib serta seluruh Pengurusan SMART dan Pengurusan PTMK.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang karnival berkenaan adalah Ceramah Kerjaya, Kursus Komputer kepada guru sekolah,

pameran, kuiz IT dan IT Hunt yang disediakan di tapak pameran UMP manakala tapak pameran MSU menyediakan permainan kuiz, pemeriksaan darah dan sebagainya.

Pihak SMART juga turut mengadakan beberapa program seperti *Floating Tower Competition*, pertandingan roket dan sebagainya. Program-program ini dilihamkan daripada jaringan kerjasama SKK sebelum ini. Di akhir program telah diadakan majlis penyampaian sumbangan oleh UMP kepada pihak sekolah yang berupa peralatan ICT.

Profesor Dato' Dr. Sabarudin dalam ucapannya melahirkan hasrat dan harapan agar pelaksanaan program seperti ini dapat melahirkan pelajar yang mahir dalam bidang ICT terutamanya dalam menyiapkan tugas selain dapat mengembangkan bakat dan kreativiti pelajar dalam ICT dengan memberikan sebanyak mungkin ilmu dan kemahiran supaya dapat diterjemahkan dalam aktiviti sehari-hari.

"Selain itu ia dapat dijadikan pemangkin kepada pelajar dan guru dalam membudayakan penggunaan ICT di dalam kehidupan sehari-hari mereka.

"Adalah diharapkan agar impian warga SMART untuk merealisasikan harapan sekolah sebagai sekolah bestari terbaik di Malaysia menjadi kenyataan," katanya.



*".....ia dapat dijadikan pemangkin kepada pelajar dan guru dalam membudayakan penggunaan ICT di dalam kehidupan sehari-hari mereka."*

**- Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd.**

# 90 pelajar ‘Mengelilingi Dunia Dalam 1 Hari’



Seramai 90 pelajar yang mewakili sembilan kumpulan bertanding merebut juara persembahan terbaik dalam program Mengelilingi Dunia Dalam 1 Hari anjuran Pejabat Antarabangsa, Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) pada 13 Mac 2010 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP memberi pendedahan kepada pelajar berhubung persekitaran global dan pengalaman ini harus dimanfaatkan dengan membina jaringan persahabatan di antara UMP dan institusi luar negara.

“Penganjuran program mengelilingi dunia dalam 1 hari itu adalah kesinambungan daripada hasil lawatan yang dijalankan pada tahun lalu untuk berkongsi pengalaman, adat dan budaya di setiap negara yang dilawati dengan pelajar yang lain,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd. berkata, semua pelajar yang menyertai lawatan antarabangsa itu telah menjalani saringan dan merupakan pelajar yang berjaya dalam proses temu duga yang telah dijalankan di peringkat universiti.

Peserta yang mengadakan lawatan ke negara Australia, Nur Fatimah Ali,

pelajar tahun 3 dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKSA) berkata, program ini dapat dimanfaatkan bersama pelajar lain seolah-olah kami telah melawati semua negara yang dipersembahkan.

Menurut Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Norlidah Mohamed, beliau berpuas hati dengan persembahan dan kesungguhan setiap kumpulan yang mewakili negara yang dilawati pelajar.

Antara negara yang dilawati pelajar ialah Australia, Indonesia, Amerika Syarikat, China, Ireland, Hong Kong, Egypt dan Singapura.

Dalam pertandingan tersebut, kumpulan pelajar yang mewakili negara Hong Kong yang terdiri daripada Muhammad Muhamimin Juhari pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) menjuarai persembahan terbaik.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir.

Hadir sama Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Ketua Timbalan Pendaftar, Datin Fazia Ali dan Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam, Profesoe Madya Ir. Adnan Zulkepli.



## MPP UMP Sesi 2009/2010 angkat sumpah tunai kewajipan dan taat setia

Seramai 21 ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Pahang Sesi 2009/2010 mengangkat sumpah menunaikan kewajipan di hadapan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Majlis telah diadakan di Bilik Mesyuarat Senat, Canseleri UMP pada 12 Februari 2010 yang lalu.

Lafaz pengisytiharan watikah telah disampaikan oleh Pemangku Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin.

Dalam ucapan perasmian, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, kecemerlangan dan keberkesanan kepimpinan tidak hanya daripada kepetahan seseorang pemimpin berbicara, tetapi perlu tahan diuji dengan cabaran di pentas realiti.

"Ini akan memperkasakan hala tuju kepimpinan pelajar di universiti ini," katanya.

Tambah beliau, kelasakan dan ketahanan kepimpinan juga dipengaruhi dengan keikhlasan dan semangat kesukarelaan.

"Semangat kesukarelaan (volunteerism) bukan sekadar turun ke desa membersihkan perkuburan, menjalankan aktiviti khidmat komuniti atau aktiviti bakti siswa. Ia lebih daripada itu.

"Semangat ini telah diamalkan di kalangan pelajar luar negara. Mereka telah mencapai satu tahap yang amat tinggi, merentasi

sempadan dan menggugguli agenda kemanusiaan hingga ke peringkat antarabangsa.

"Sebagai contoh, pelajar di sana telah mengadakan program perlindungan haiwan, konservasi alam sekitar, bantuan bencana, advokasi kesejahteraan kanak-kanak, isu wanita dan orang tua," katanya.

Di samping itu juga, beliau turut menasihatkan barisan kepimpinan baharu ini agar mencabar ketahanan dan kelasakan minda agar tidak hanya menjalankan program sebagai melengkapkan takwim aktiviti tahunan semata-mata.

Sementara itu, Yang di-Pertua MPP, Mohd. Aedlan Nur Ahmad berkata, pihak MPP berbesar hati dan menyokong hasrat universiti, khususnya pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dalam memperkasakan aktiviti mahasiswa.

"MPP akan berperanan memperkuuhkan dengan merangsang kelab persatuan dan individu untuk melaksanakan pelbagai aktiviti serta program pengantarabangsaan, secara langsung membantu meletakkan UMP menjadi universiti pilihan pelajar luar negara menjelang tahun 2020 sebagaimana yang dihasratkan oleh Naib Canselor UMP.

"Pihak MPP berhasrat untuk mengadakan persidangan senat mahasiswa yang bakal

bermula dalam masa terdekat bagi memupuk hubungan yang baik antara MPP dengan kelab persatuan di UMP," katanya.

Manakala menurut Timbalan Yang di-Pertua pula, Nur Hafizah Abdul Razak, Gerakan Manifesto (GERMAN) akan diadakan bagi mengumpul semua manifesto perwakilan untuk dibincangkan agar semua pandangan diambil kira dalam melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap warga universiti.

Selain itu, menurut Exco Hal Ehwal Wanita, Nor Atikah Mat Yusoff pula, beliau dan rakan-rakan kepimpinan akan berusaha membantu dalam menangani isu berkaitan wanita dan merancang mengadakan program tanpa mengira bangsa.

Pada masa yang sama, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut mengucapkan penghargaan terima kasih dan berpuas hati dengan pencapaian kepimpinan MPP Sesi 2008/2009.

Mantan Yang di-Pertua MPP Sesi 2008/2009, Mohd. Suffi Kamari mendahului barisan kepimpinan MPP lalu bagi menerima sijil penghargaan daripada Profesor Dato' Dr. Daing Nasir.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd, Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee, Bendahari, Zainuddin Othman dan barisan pengurusan universiti.

Pilihan raya kampus yang berlangsung baru-baru ini di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP), berjalan lancar tanpa sebarang kekecohkan berlaku.

Pilihan raya yang dijalankan secara e-Voting itu bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar UMP (MPPUMP) sesi 2009/2010 di UMP berlangsung tanpa sebarang masalah.

Seramai 4,168 pelajar hadir mengundi dengan jumlah peratusan sebanyak 80.4 peratus dari jumlah keseluruhan pelajar berdaftar yang aktif seramai 5,184 pelajar tidak termasuk pelajar menghadiri latihan industri.

Jumlah peratusan mengundi tahun ini meningkat berbanding tahun lalu sebanyak 77.8 peratus kerana pertambahan jumlah fakulti dan kerusi yang dipertandingkan. Sebanyak 21 kerusi dipertandingkan iaitu tujuh kerusi umum dan 14 kerusi fakulti dengan jumlah 39 calon termasuk 12 calon wanita.

Pemilihan kali ini lebih menarik kerana calon-calon dari pelbagai bangsa dan agama dengan tema perpaduan turut diutarakan untuk konsep 1 Malaysia. Keputusan pemilihan MPP melalui proses e-Voting yang bermula semenjak tahun 2003 telah membuktikan semangat 1 Malaysia sentiasa segar di kalangan mahasiswa UMP.

# MPM perlu mengisi jurang kepimpinan – Naib Canselor

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) Universiti Malaysia Pahang (UMP) Sesi 2009/2010 diingatkan supaya memainkan peranan proaktif sebagai badan utama yang mewakili kepentingan seluruh pelajar universiti ini dan tidak membiarkan peranan tersebut dimainkan pihak lain akibat wujudnya jurang kepimpinan (*leadership gap*) yang berpunca daripada tindak balas yang pasif atau perlahan MPM terhadap sesuatu perkara.

Ingatan tersebut mendasari intipati mesej Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim kepada ahli-ahli MPM UMP dalam Majlis Perjumpaan Naib Canselor Bersama MPM di Kediaman Rasmii beliau di Bukit Istana, Bandar Indera Mahkota, Kuantan pada 7 Mac 2010 yang lalu.

Dato' Dr. Daing Nasir turut meminta MPM Sesi 2009/2010 untuk memperlihatkan kewujudan mereka dengan mengambil inisiatif dan tanggungjawab penuh terhadap aktiviti-aktiviti kemahasiswaan yang dijalankan di universiti ini.

"MPM mestilah bergerak atas kerangka minda yang bebas dan tidak dibayangi oleh mana-mana pihak dan kelompok.

"Dalam konteks UMP, tiada istilah golongan Proaspirasii atau Promahasiswa. Label-melabel sedemikian rupa adalah permainan politik yang tidak perlu mempengaruhi mahasiswa UMP.

"Apa yang penting ialah anda ProUMP," tegas beliau lagi kepada 21 ahli MPM yang hadir dalam majlis tersebut.

Sementara itu, Yang di-Pertua MPM, Mohd Aedlan Nur Ahmad turut mengemukakan gagasan awal MPM terhadap agenda kesukarelawan (*volunteerism*) yang dibangkitkan oleh Naib Canselor semasa Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan MPM baru-baru ini.

Untuk rekod, kesemua 21 ahli MPM Sesi 2009/2010 telah dilantik berdasarkan keputusan Pemilihan MPM pada 28 Januari yang lalu.

MPM sesi ini menyaksikan pertambahan sebanyak enam buah kerusi baharu berbanding hanya 15 kerusi sebelum ini berikut penubuhan dua buah fakulti baharu di UMP iaitu Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT).





# UMP Perkenal Sudut Pidato

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan semula Sudut Pidato (Speakers' Corner) sebagai platform bagi meningkatkan kemahiran pengucapan awam di kalangan mahasiswa.

Majlis Perasmian Sudut Pidato itu diadakan di Kafetaria Kolej Kediaman 1 selepas majlis penamaan calon Majlis Perwakilan Pelajar UMP (MPP UMP) yang dirasmikan oleh Pemangku Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin pada 24 Januari lalu di Dewan Kuliah Utama 1, UMP kampus Gambang.

Sebagai permulaan, sebahagian daripada 39 calon MPP UMP diberi peluang menjadi perintis Sudut Pidato dalam menyemarakkan kempen Pilihan Raya MPP bagi Sesi 2009/2010.

Seramai 39 calon yang bertanding termasuk 12 calon wanita memulakan sudut pidato dengan pelbagai isu termasuk isu keselamatan dan kebaikan pelajar.

Pelajar tahun dua, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT), Chai Chen Thai mencuri tumpuan semua dengan lantang bersuara memperjuangkan kemudahan pelajar di UMP dan ingin menjadikan MPP suara untuk semua pelajar.

Manakala pelajar tahun dua, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Nur Fasihah Abdul Kadir calon kerusi umum pula mahu memperjuangkan kebaikan pelajar di UMP.

Menurut Profesor Dr. Mohd Redzuan Nordin, sudut pidato ini adalah untuk kebaikan dan memberi kebenaran kepada pelajar melahirkan pandangan mengenai isu semasa atau apa saja perkara yang memberi kebaikan kepada pelajar.

"Setiap pelajar perlu memaklumkan tajuk pidato mereka kepada JHEPA beberapa hari sebelum itu dan kita akan tetapkan masa untuk mereka

berpidato.

"Para pelajar perlu mengambil peluang ini untuk menyuarakan pendapat tanpa perlu rasa takut," kata beliau selepas ditemui di Majlis Penamaan Calon MPP UMP di UMP Gambang.

Jelas beliau, walaupun universiti memberi kebebasan bersuara secara terbuka, perlu ada garis panduan dan pemantauan tentang apa yang disampaikan supaya tidak menyentuh isu-isu sensitiviti masyarakat berbilang kaum di negara ini dan tidak menghina mana-mana pihak.

Katanya, pelajar juga perlu bijak memberi pandangan yang membina bagi kepentingan secara bersama.



# Siti Hawa buktikan pelajar OKU mempunyai kehebatan tersendiri



Siapa sangka pelajar orang kurang upaya (OKU) tidak mampu melangkah ke menara gading, malah beroleh kejayaan yang lebih hebat lagi berbanding pelajar yang lain. Mana tidaknya, walaupun menghidap penyakit (SMA) iaitu sejenis penyakit yang telah melemahkan urat saraf penghidapnya sejak dari kecil lagi, namun ia tidak menghalang Siti Hawa untuk berjaya dalam pelajaran.

Buktinya pada semester lepas beliau telah memperoleh PNGK sebanyak 3.79 dan meletakkan beliau antara pelajar yang sering menerima anugerah dekan pada setiap semester.

Siti Hawa Apandi yang merupakan pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian adalah merupakan satu-satunya pelajar OKU Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang telah diberi kepercayaan dengan kepintaran mindanya untuk membangunkan satu sistem yang julung kali dibina untuk diaplikasikan bagi kegunaan staf UMP.

Beliau yang kini sedang menjalani latihan industri (LI) di Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), UMP dipertanggungjawab untuk membangunkan sistem pengurusan peralatan pejabat yang kini sudah menampakkan hasilnya.

Sepanjang menjalani LI, Siti Hawa disifatkan seorang yang sangat tekun dan berkaliber dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Buktiannya, setelah mendapat latihan awal, Siti Hawa telah menunjukkan hasil dalam tugasannya itu walaupun sasaran awal tugas tersebut masih lagi lama.

Menurut Penyelia Projek Siti Hawa yang juga merupakan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan PTMK, Wan Azlee Haji Wan Abdullah, Siti Hawa merupakan seorang pelajar yang pintar kerana telah berjaya menunjukkan hasil kerjanya hanya dalam masa 23 hari sahaja dan sekarang ia berada dalam proses dokumentasi.

“Selain keupayaan Siti Hawa sendiri yang pandai mengendalikan pembangunan sistem pejabat, pihak PTMK juga turut menyediakan ruang kerja yang bersesuaian dengan Siti Hawa menggunakan konsep Organisasi Mesra Keluarga (OMK).

“Shop kerja yang perlu dijalankan oleh Siti Hawa tidak memerlukan pergerakan fizikal namun ia lebih kepada penggunaan kepandaian otak untuk membangunkan sistem, menganalisa dan sebagainya.

“Malah, bagi memudahkan lagi pekerjaan Siti Hawa, beliau telah diberi penginapan di kolej kediaman pelajar dan peruntukan masa kerja yang anjal,” katanya.

Beliau hanya perlu berada di pejabat dua hari seminggu dari jam 8 pagi hingga 5 petang dan selebihnya beliau banyak melakukan tugas di kolej kediaman serta di rumahnya sendiri.



## Mohammad Norshim juara Cabaran Catur Bestari Kebangsaan

Oleh: RIDZUADI IBRAHIM

Pepatah mengatakan, tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu.Begitulah siapa sangka tuah pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang mendapat durian runtuh dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM50,000 apabila memenangi Cabaran Catur Bestari Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Persada Johor pada 17 Januari 2010 yang lalu dengan mengumpulkan jumlah aset tertinggi dan sekaligus memecah rekod kejohanan sebelum ini.

Kemenangan itu diraih oleh Kumpulan Gempak Team 1 yang diketuai oleh Mohammad Norshim Mohamamed Hashim dan beberapa rakan sepasukan yang lain iaitu Nurizzudin Ahmad Hussin, Tuan Shahlan Tuan Safie, Abdullah Muhamad Nawi dan Mohd. Azizul Hafiz Abdul Sani.

Mereka membawa pulang wang tunai RM50,000, plak, sijil penyertaan, sijil pecah rekod, piala iringan dan piala pusingan.

Manakala hadiah utama pula berupa sebuah kereta Proton Persona 1.6 telah dimenangi oleh Ketua Kumpulan Gempak Team 1 iaitu Muhammad Norshim Mohamad Hashim. Hadiah telah disampaikan oleh Pengurus KFC, Tan Sri Muhammad Ali Hashim.

Naib Johan pula dimenangi oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka dengan memenangi hadiah RM 30,000.00, plak dan sijil penyertaan.

Manakala tempat ketiga dimenangi KFC Wilayah Persekutuan yang membawa pulang wan tunai RM 20,000.00, plak dan sijil penyertaan.

Program anjuran KFC dengan kerjasama Johor Corporation ini merupakan salah satu langkah bagi memupuk budaya pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan mahasiswa dalam melahirkan mahasiswa yang berwawasan.

Malah, program ini juga bukan sekadar permainan biasa tetapi ia juga memupuk budaya pemikiran di kalangan peserta untuk menceburi bidang keusahawanan dan menjadikan "Keusahawanan sebagai Kerjaya Pilihan".





## **Keusahawanan kerjaya pilihan, bukan kerjaya kelas kedua**



Pelajar perlu dipupuk budaya dan pemikiran bisnes untuk menceburi bidang keusahawanan seterusnya menjadikannya sebagai pilihan kerja.

“Bilangan graduan dan lepasan sekolah yang masuk ke pasaran pekerjaan tidak selalunya sepadan dengan keperluan sebenar pengisian perjawatan sama ada dalam sektor swasta mahupun sektor awam,” ujar Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim semasa merasmikan Seminar Keusahawanan Kerjaya Pilihan bertempat di Dewan Kuliah Utama, UMP kampus Gambang pada 6 April 2010 yang lalu.

Seminar sehari itu dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dengan kerjasama Johor Corporation dan Biro Korporat Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM).

Menurut Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, dalam dunia yang semakin kompetitif ini, para graduan perlu lebih kreatif, inovatif dan berani meneroka paradigma baharu termasuklah bekerja sendiri sebagai usahawan dan menjadi pencipta kerjaya kepada orang lain, bukan sekadar pencari kerja.

“Menjadi usahawan perlu dilihat sebagai satu peluang, bukannya kerjaya kelas kedua. Individu bergelar usahawan perlu seorang yang nekad membuat sesuatu mengambil risiko ganjaran,” ujar beliau.

Daing Nasir berkata, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah memberikan tumpuan yang serius dalam melahirkan lebih ramai usahawan dari kalangan graduan.

“Pelbagai bentuk skim dan latihan keusahawanan ditawarkan termasuk menggalakkan pelajar membuka perniagaan di dalam kampus.

“Penganjuran seminar keusahawanan yang julung kali diadakan dengan kerjasama Johor Corporation ini diharapkan dapat dilestarikan dan dikembangkan pengisiannya kepada bakal usahawan muda bagi mengembangkan sayap perniagaan dengan lebih kompetitif,” katanya.

Sementara itu, peserta yang juga pelajar Tahun 2 daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Mohamad Norshim Mohamed berkata, seminar ini dapat membuka minda dan memberikan informasi terbaik dalam mengenali dunia bisnes.

Beliau merupakan pemenang Johan Kebangsaan Pertandingan Catur Bistari 2010 anjuran Johor Corporation yang diadakan di Persada Johor pada 16 Januari yang lalu.

Peserta seminar berpeluang berkongsi pengalaman daripada ceramah yang disampaikan oleh Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation, Tan Sri Dato’ Muhammad Ali Hashim, Pengarah Urusan QSR Brands Berhad, Tuan Haji Jamaludin Md. Ali, Pengurus Besar KFC Holdings (Malaysia) Berhad dan Pengurus Bistari Young Entrepreneur Sdn. Bhd, Noor Ruzilawati Ruddin.

Seminar Gerak Usahawan 2010 itu dihadiri lebih 300 pelajar daripada Kelab Usahawan, UMP.

# Pesta sinar ponggal UMP berkonsepkan ‘1Malaysia’ pikat lebih 1,000 penonton

Lebih 1,000 penonton yang terdiri daripada pelbagai kaum yang terdiri daripada ahli Persatuan Kaum India Kuantan, Kelab Bell Belia Kuantan, pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan masyarakat setempat membanjiri Dewan Kompleks Sukan UMP bagi menyaksikan Pesta Sinar Ponggal pada 8 Februari 2010 yang lalu.

Program anjuran Kelab Kebudayaan & Kesenian UMP, Jawatankuasa Masyarakat India, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan kerjasama Kelab Bell Belia Kuantan itu mendapat sambutan hangat dan berjaya menarik perhatian ramai apabila ia turut menyajikan persempahan pelbagai kebudayaan masyarakat di Malaysia dengan berkonsepkan ‘1 Malaysia’ sebagai menyahut gagasan ‘1 Malaysia’ yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato’ Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, penganjuran pesta sedemikian sungguh bermakna dan budaya masyarakat India dapat dikongsikan bersama masyarakat lain.

Beliau juga begitu teruja dengan semangat pelajar dalam menjayakan program tersebut serta sambutan daripada pihak luar dan masyarakat setempat.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa merasmikan program berkenaan.

Sementara itu, Pemangku Dekan Jabatan Hal Ehwal Perlajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin berkata, penganjuran Pesta Ponggal berkonsepkan ‘1 Malaysia’ ini adalah julung kali diadakan dengan persediaan sambutan yang cukup meriah.

“Dengan cara berkongsi kebudayaan ini akan dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan kaum lain dan ini akan menjadikan masyarakat Malaysia lebih memahami kebudayaan bangsa lain.

Manakala pelajar tahun tiga, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) UMP, Sharon Yong berkata, walaupun berlainan bangsa, beliau dan rakan-rakannya hadir bagi memberi sokongan moral kepada rakan-rakan yang berbangsa India dalam menjayakan program yang cukup meriah ini.

Salah seorang penonton yang hadir dari Batu 11 Kuantan, Parameswari, 38 berkata, beliau bersama suami dan tiga anaknya hadir untuk melihat sambutan Pesta Ponggal di UMP dan menurutnya ini adalah kehadiran pertama beliau ke universiti ini.

Pengarah program, Simon Peter Chandran berkata, penonton yang hadir akan dapat menyaksikan pelbagai persempahan bukan sahaja daripada masyarakat India, malah persempahan kebudayaan masyarakat Melayu dan Cina.

“Pesta ini juga dapat memperkenalkan nama UMP ke setiap khalayak ramai,” katanya.

Selain itu, kehadiran pelajar sekolah, persatuan bukan kerajaan (NGO), masyarakat setempat dan pelajar daripada Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) dan Kolej Institut Kemahiran Ikhlas Pahang (IKIP) turut menambah seri program pada malam tersebut.





## 800 pengunjung meriahkan Sambutan Tahun Baharu Cina

Lebih 800 tetamu yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa hadir bagi meraikan Jamuan Makan Malam Chap Goh Mei sempena Sambutan Tahun Baharu Cina berkonsepkan 1 Malaysia anjuran Persatuan Kebudayaan Cina dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Mexica Seafood Restaurant, Kuantan pada 28 Februari 2010 yang lalu.

Menurut Ketua Program, Wong Kok Keen, majlis pada malam itu diserikan dengan persembahan orkestra UMP dan persembahan kebudayaan daripada pelajar yang terdiri daripada pelajar luar negara, tarian 1 Malaysia, pementasan drama dan nyanyian.

“Pihak persatuan turut mengadakan pertandingan melukis, menulis kaligrafi, mewarna, melukis *banner* dan kuiz bertemakan 1 perayaan, 1 keluarga, sama-sama kita raikan di peringkat pelajar sekolah rendah dan menengah sekitar Kuantan.

“Penganjuran program ini akan dapat memperkenalkan UMP kepada masyarakat setempat, menonjolkan kreativiti pelajar dan dapat berinteraksi antara pelajar dengan pihak luar,” katanya.

Manakala seorang pengunjung, Jamie Khoo Hui Sun, 33, dari Kuantan, penganjuran program ini menunjukkan pelajar UMP dapat menganjurkan perayaan untuk semua tanpa mengira bangsa.

Selain itu, pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), UMP, Sigithasan a/l Nagantheram, gembira hadir untuk sama-sama berkongsi kemeriahinan dalam meraikan sambutan tahun baharu.

Sementara itu, penyertaan anakanda Tengku Puteri Jihan Khalsom ‘Athiyatullah, 7, yang mewakili Sekolah Kebangsaan Perempuan Methodist, Kuantan (MGS) yang hadir bersama bondanya, Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dalam program pertandingan mewarna turut menyerikan lagi program yang diadakan pada sebelah pagi di hari yang sama bertempat di Dewan Kuliah Utama 1, UMP.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Ketua Timbalan Pendaftar, Jabatan Penyelidikan & Inovasi yang juga merupakan isteri kepada Naib Canselor UMP, Datin Fazia Ali.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, Ahli Dewan Undangan Teruntum, Yang Berhormat Chang Hong Seong dan pegawai universiti.

Lebih 300 pelajar sekitar Gambang dan Kuantan hadir bersama ibu bapa masing-masing untuk memberi sokongan serta menyaksikan persembahan juga pameran kebudayaan Cina.

# UMP Autoshow

## pamer aktiviti permotoran



Penganjuran UMP Autoshow anjuran Pusat Kecemerlangan Automotif, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Persatuan Mechapro, Sekretariat Rakan Muda, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Persatuan SAE-UMP Chapter dan *Mini Owners Group Malaysia* (MOG) berjaya menarik peminat kereta bagi menyaksikan pameran kereta di Dataran Canseleri UMP Kampus Gambang pada 6 Mac 2010 yang lalu.

Majlis dirasmikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Profesor Dr. Haji Rosli Abu Bakar.

Menurut Dr. Rosli penganjuran program ini memberi pendedahan kepada pelajar dan masyarakat luar mengenai aktiviti dan dunia permotoran yang sihat.

Beliau berbangga dengan komitmen pelajar yang bersungguh-sungguh bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dan berhasrat menganjurkannya setiap dua tahun.

Sementara itu, seorang pelajar Sekolah

Menengah Kebangsaan Ahmad Pekan, Anis Syazwani Abd. Munib berkata, beliau dan rakan-rakannya hadir bagi mengambil peluang untuk menyaksikan pameran kereta mini dan aktiviti permainan Go-Kart dan Gymkhana.

Seorang pengunjung dan isteri kepada pemilik kereta mini, Uthama Puthiran, 42, dari Kuala Lumpur berkata, beliau dan rakan-rakan yang menyertai kereta mini teruja untuk datang menyaksikan UMP Autoshow yang julung-julung kali diadakan.

Selain itu, orang ramai juga dapat menyaksikan pameran kempen keselamatan Jalan Raya, Ceramah Keselamatan Jalan Raya dan berpeluang mendekati aktiviti Game Tunez seperti telematch, Go-Kart dan Gymkhana.

Di samping itu juga, pengunjung turut berpeluang menyaksikan pameran kereta mini daripada Mini Owners Group (MOG) yang membentuk angka lapan bersempena dengan ulang tahun UMP yang ke-8 pada tahun ini.

Hadir sama, Presiden Mini MOG, Shamsudin

Daud dan Pengarah Program Tanti Zanariah Shamshir Ali.

Turut dipamerkan kereta Myvi yang digunakan oleh Persatuan SAE-UMP Chapter yang telah berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan *Perodua Eco-Challenge* dalam kategori Transmisi Manual Jarak Jauh tahun lalu.

Menurut Gan Leong Ming, UMP juga telah menerima sebuah kereta Perodua Viva 1.0 automatik dan cek bernilai RM10,000 bagi persediaan pertandingan dalam kejuaraan Perodua Eco-Challenge Race 2010 yang akan diadakan pada 26 Jun ini di Melaka International Motorsports Circuit.

"Penyerahan kereta telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Dato' Profesor Ir Radin Umar Radin Sohadi baru-baru ini kepada 12 institusi pengajian tinggi (IPT) yang akan bertanding pada Jun ini," katanya.



# 72 pelajar jayakan **Bakti Siswa KPT 2010**

Oleh: MOHD FERDAUS MUSA

Pada 23 hingga 26 Disember 2010 yang lalu, satu Program Baktiswra KPT 2010 telah dijalankan di Kampung Keledek dan Kampung Sungai Ular (RTP) yang terletak kira-kira 45 minit dari bandar Kuala Lipis, Pahang.

Program itu telah dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dan Kor SUKSIS Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan Polis DiRaja Malaysia.

Program berbentuk operasi khidmat masyarakat yang mendapat peruntukan sepenuhnya dari ini adalah berdasarkan keperihatinan pihak mahasiswa terhadap masyarakat sekeliling terutamanya kawasan luar bandar dalam menyampaikan ketinggian ilmu, budaya dan identiti mahasiswa IPTA.

Seramai 72 orang peserta dan 36 buah keluarga telah menjayakan program tersebut.


Majlis Penyerahan Anak Angkat telah berlangsung di Dewan Besar Kampung Keledek oleh Pengarah Pusat Kokurikulum, UMP, Ramlee Abid.

Pada hari kedua program, satu karnival yang diberi nama Karnival Mesra Kampung Keledek telah dijalankan. Pelbagai aktiviti menarik disediakan seperti senamrobik, sukan rakyat, pertandingan futsal, bola jaring dan mewarna bagi kanak-kanak.

Manakala bagi kaum ibu pula, pertandingan gubahan dan masakan kerabu turut diadakan. Selain itu, terdapat juga pameran-pameran dan jualan dari agensi kerajaan dan swasta.

Antara pameran-pameran yang diadakan ialah Narkotik dan Trafik dari PDRM, pameran bomba, Kementerian Belia dan Sukan, pemeriksaan kesihatan percuma dan kempen derma darah.

Selain itu, pelbagai lagi aktiviti diadakan seperti gotong-royong membersihkan dan memasak untuk kenduri di kampung, program motivasi pelajar Tahun 4 dan 5, pertandingan memancing dan ceramah Maal Hijrah.



# 22 staf tawan Gunung Brinchang dan Gunung Irau

Oleh: Al-Muhaimim Ali

Pendakian 22 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada 17 lelaki dan lima wanita berjaya menawan Gunung Brinchang dan Gunung Irau di Cameron Highlands, Pahang bagi menyahut cabaran dan persiapan menawan Gunung Kinabalu untuk ekspedisi akan datang.

Menurut Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim yang juga merupakan Pengerusi Badan Kebajikan dan Sukan Staf, Ekspedisi Gunung Brinchang dan Gunung Irau ini merupakan salah satu program pemilihan dan latihan persediaan kepada peserta yang akan terlibat dengan Ekspedisi Gunung Kinabalu 2010 - UMP Di Puncak Malaysia.

"Kejayaan ini sebenarnya hasil daripada semangat kerjasama berpasukan dan komitmen yang tinggi dari semua pendaki tanpa mengira status dan pangkat dalam usaha menjayakan ekspedisi ini.

"Semoga dengan kejayaan ini dapat memberi semangat dan dorongan kepada pendaki UMP untuk terus menjalani latihan sebagai persediaan menawan puncak Gunung Kinabalu pada pertengahan Ogos nanti," katanya.

Sementara itu, menurut Pengarah Program, Al-Muhaimin Ali yang juga merangkap Ketua Biro Sukan & Rekreasi BKSS, catatan suhu 15 derjah selsius di puncak gunung tersebut tidak menghalang pendaki UMP meneruskan pendakian hingga ke kemuncak.

"Pendaki UMP berjaya menawan Gunung Brinchang dengan ketinggian 2,031 meter atau 6,666 kaki dari paras laut pada jam 11.20 pagi, 19 Mac yang lalu setelah mengambil masa kira-kira 2 jam 20 minit daripada kaki bukit berhampiran kawasan tадahan air Brinchang.

"Seterusnya kami berjaya menawan puncak Gunung Irau yang ketinggiannya lebih tinggi dari Gunung Brinchang iaitu 2,110 meter atau 6,925 meter dari paras laut pada jam 11.10 pagi pada 20 Mac 2010 setelah mendaki hampir 2 jam 30 minit dari Tapak Perkhemahan Gunung Brinchang," katanya.

Program anjuran BKSS dengan kerjasama Pusat Sukan dan Pusat Kokurikulum UMP itu bermula pada 19 hingga 21 Mac 2010 yang lalu.





## NC seru warga universiti martabatkan ilmu



Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyeru semua warga universiti memartabatkan ilmu, cara berfikir, bertindak dan berinteraksi berasaskan ilmu.

"Jika ianya tidak dapat dilaksanakan, tiada bezanya antara universiti sebagai gedung ilmu berbanding institusi lain," ujar beliau.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Seminar Pengurusan Ilmu: Trend, Realiti atau Mitos Peringkat Kebangsaan di Auditorium Perpustakaan UMP kepada 114 peserta daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara dan agensi luar pada 10 Februari 2010 yang lalu.

"Dalam era yang serba canggih pada hari ini, sebaran ilmu pengetahuan yang berbentuk *tacit* atau *explicit* dapat dibuat melalui pelbagai medium, kaedah dan pendekatan.

"Tiada individu yang boleh mengatakan dirinya terpinggir

atau terasing daripada akses kepada lebuh raya pengetahuan.

"Konsep kreativiti dan inovasi perlu terus diperdalam bagi menyuburkan pemikiran, pendekatan dan hasil kerja yang tidak terikat dengan konvensional atau masa silam. Ianya sekaligus mempelbagaikan akses dan medium untuk meneroka sumber ilmu," katanya.

Pada majlis yang sama, Ketua Pustakawan UMP, Tuan Haji Ruslan Che Pee yang juga selaku pengajar seminar berkata, dengan adanya teknologi yang canggih pada masa ini, pengurusan ilmu menjadi lebih mantap, pantas dan mesra pengguna.

"Sebagai contoh di perpustakaan UMP, kami menyediakan *knowledge bank* (*k-Bank*) sebagai suatu kemudahan kepada staf dalam mengamalkan perkongsian pengalaman dalam sesuatu bidang yang menumpukan kepada *capture tacit knowledge*.

"Manakala, bagi kertas kerja,

polisi atau sebarang dokumen untuk dikongsikan pengguna boleh menggunakan kemudahan files bank. Budaya perkongsian ini membolehkan maklumat diperoleh segera.

"Tidak dapat dinafikan perkembangan teknologi membantu melancarkan pelaksanaan pengurusan ilmu," katanya.

Seminar sehari itu bertujuan melihat peranan Pengurusan Ilmu dan kepentingannya dalam bidang pengurusan maklumat pada era teknologi maklumat serta memahami hubung kait antara Pengurusan Ilmu dalam pengurusan perpustakaan.

Sementara itu, seorang peserta seminar dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Akiza Roswati Abdullah, 36, berkata, beliau tidak akan melepaskan peluang mengikuti seminar ini bagi mendapatkan pendedahan mengenai pengurusan ilmu yang berkesan bagi melahirkan idea-idea baharu untuk memajukan organisasi.

Khairul Azhar Md. Hamdi 32, daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pula berkata, ramai di kalangan peserta adalah pustakawan dan kesempatan ini diambil untuk bertemu dan bertukar pengetahuan dan pandangan mengenai bidang pengurusan ilmu.

Seminar sehari itu juga turut menjemput penceramah dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dato' Dr. Haji Raja Abdullah Yaacob, Pensyarah dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian UMP, Profesor Madya Wan Maseri Wan Mohamad, Pustakawan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Che Rosnah Ngah dan Pengurus Knowledge Management Center dari Bank Negara Malaysia, Ghazali Mohamed Fadzil.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pendaftar, Mustafa Ibrahim dan Bendahari, Zainuddin Othman.

# Masa depan adalah milik mereka yang percaya pada keindahan impiannya

## - Nurul Mubinah



**WIRTSCHAFT IN DER REGION**

**Mühlbauers Maschinen aus Malaysia**  
Das Röderer Unternehmen besetzt von Melaka aus Nischen im Halbleiterbereich

**Von Christiane Oelsch**

Mehr als 200 Mitarbeiter sind bei der Melkauer Firma Mühlbauer für die Produktion von Spezialmaschinen im Halbleiterbereich tätig. Das Unternehmen ist auf die Herstellung von hochpräzisen Anlagen für die Herstellung von Halbleiterbauteilen spezialisiert. Die Maschinen werden unter anderem für die Herstellung von Laserdiode- und Optoelektronikbauteilen sowie für die Herstellung von Halbleiterbauteilen für die Automobil- und Luftfahrtindustrie eingesetzt.

Melaka ist einer der ältesten Städte in Südostasien und eine wichtige Handelsstadt. Während die Stadt früher hauptsächlich durch den Handel mit China und Indien geprägt war, hat sie sich in den letzten Jahren zu einem wichtigen Industriecenter entwickelt. Die Firma Mühlbauer ist ein Beispiel dafür, wie ein kleiner deutscher Betrieb in einer anderen Region des Landes Fuß fassen kann.

**Kundenservice:** Nurul Mubinah ist mit Kundenbetreuung beschäftigt. Sie ist eine erfahrene Fachkraft mit über 10 Jahren Erfahrung im Bereich der Halbleiterproduktion. Sie ist verantwortlich für die Beratung und Unterstützung unserer Kunden in Bezug auf die Anforderungen an unsere Produkte und deren Anwendung in ihrer Produktion.

**Qualitätssicherung:** Nurul Mubinah ist mit Qualitätssicherung beschäftigt. Sie ist eine erfahrene Fachkraft mit über 10 Jahren Erfahrung im Bereich der Halbleiterproduktion. Sie ist verantwortlich für die Beratung und Unterstützung unserer Kunden in Bezug auf die Anforderungen an unsere Produkte und deren Anwendung in ihrer Produktion.

**Technik:** Nurul Mubinah ist mit Technik beschäftigt. Sie ist eine erfahrene Fachkraft mit über 10 Jahren Erfahrung im Bereich der Halbleiterproduktion. Sie ist verantwortlich für die Beratung und Unterstützung unserer Kunden in Bezug auf die Anforderungen an unsere Produkte und deren Anwendung in ihrer Produktion.

**Einhell: Umsatz sinkt leicht**  
Für das erste Halbjahr 143 Millionen Euro umgesetzt

**Landschaft:** Das Landschaftsgesetz wird von einem kleinen Unternehmen mit 100 Mitarbeitern durchgeführt. Das Unternehmen ist ein Vierjahres- und 20-Jahres-Programm.

Oleh: FERDAUS MUSA

Masa depan adalah milik mereka yang percaya pada keindahan impiannya (*the future belongs to those who believe in the beauty of their dreams*), begitulah batin-bait indah moto yang dipegang oleh alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP), Nurul Mubinah Suhaimi, 25, dalam mencapai cita-citanya untuk menjadi seorang Jurutera bertaraf dunia.

Bekas pelajar program Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal ini tamat pengajian di UMP pada tahun 2008 dan merupakan seorang yang sentiasa bersemangat dan bercita-cita tinggi untuk bersaing dengan pasaran kerja yang dikuasai oleh lelaki.

Bermula dengan latihan industri di sebuah syarikat antarabangsa di Malaysia, Muehlbauer Technologies Sdn. Bhd. (MBT), kini beliau memegang jawatan sebagai Jurutera Kualiti di syarikat multinasional tersebut.

MBT adalah syarikat pengeluar mesin untuk industri semikonduktor seperti mesin membuat kad pengenalan di Malaysia.

Gadis yang mesra disapa Ann ini cukup berbangga apabila terlibat secara langsung dalam proses untuk teknologi terbaru iaitu laser punch bagi syarikat Jerman yang hampir dua tahun bertapak di Malaysia (seperti keratan akhbar berbahasa Jerman).

Malah, beliau juga turut terlibat dengan projek pembangunan *Carrier Tape Laser Punch* dan pelaksanaan 5S syarikat.

Ketika mengikuti pengajian di UMP, beliau seorang yang aktif semasa pengajiannya dan pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha MECHAPRO (2005/2006), Bendahari Kelab Rekreasi (2005/2006), Setiausaha UMP-IEM (2006/2007), Pengarah Malam Adiwarna MECHAPRO 2005 dan menerima Anugerah Pingat Emas Wanita UMNO pada tahun 2008.



Oleh: FERDAUS MUSA

## Cabaran dan kesilapan adalah guru kehidupan – Shahly Aizuddin

Minat yang mendalam dalam bidang kejuruteraan telah mendorong alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) ini untuk bekerja lebih keras.

‘Cabaran dan kesilapan adalah guru kehidupan’ yang sentiasa menjadi moto dirinya membuatkan insan berusia 25 tahun ini melangkah setapak demi setapak membina kerjaya yang lebih cemerlang.

Shahly Aizuddin Hashim, bekas pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Automotif ini kini bekerja sebagai Jurutera Mekanikal di Sime Darby Engineering Sdn. Bhd.

Memulakan kerjaya sebagai pelatih praktikal selama empat bulan dan beliau seterusnya diserapkan sebagai staf tetap sejurus selepas tamat latihan industri.

Beliau kemudian dihantar ke Doha, Qatar selama setahun setengah. Antara projek yang telah dilaksanakan oleh beliau ialah *EPIC 3 New Wellhead Jacket, Topsides, Pipeline, Tie-In, Miscellaneous Flow Lines untuk Qatar Petroleum*.



## Ahmad Rahimi ahli LPU UMP baharu

Pengerusi Ultimate Builders Sdn. Bhd., Ahmad Rahimi Abdul Samad telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang baharu untuk tempoh selama dua tahun mulai 1 Februari 2010 hingga 31 Januari 2012.

Anak jati Pekan Pahang ini berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal daripada Worcester Polytechnic Institute, MA, USA. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah Urusan di ARS Tenaga (M) Sdn. Bhd. (1996-2007) dan Jurutera Projek di Petronas Carigali Sdn. Bhd. (1991-1996).

Sidang Editorial *Create* mengucapkan syabas dan tahniah atas pelantikan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMP.

## TNC (P & I) terima darjah kebesaran DIMP

Timbalan Naib Canselor (Penyedikan & Inovasi), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, 47, telah dianugerahkan dengan darjah kebesaran, Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P) yang membawa gelaran Dato' daripada Sultan Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah.

Penganugerahan tersebut adalah bersempena dengan Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang Ke-80.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, setiap anugerah yang diperoleh merupakan satu peringatan kepada kita semua untuk memberi suntikan semangat baharu agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.

"Dengan penganugerahan ini, ia memberikan satu pengiktirafan kepada universiti bahawa UMP mempunyai bakat takungan di kalangan warganya," katanya ketika berucap di Majlis Meraikan Profesor Dato' Dr. Rosli di Dewan Bankuet, Bangunan Canseleri pada 2 Februari 2010 yang lalu.

Beliau seterusnya mengucapkan tahniah kepada Profesor Dato' Dr. Rosli atas segala sumbangan dan jasa yang ditaburkan khususnya dalam mengkomersialkan bidang penyelidikan dan inovasi UMP di dalam dan luar negara.

Manakala menurut Profesor Dato' Dr. Rosli pula, gelaran datang



bersama-sama dengan tanggungjawab dan cabaran.

"Gelaran ini memberikan saya lebih semangat untuk bekerja lebih kuat dalam membangunkan UMP," katanya.

Hadir sama Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee, Dekan-dekan dan Pengarah Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang lain.

Beliau yang sebelum ini merupakan Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) mula dilantik sebagai TNC (P & I) pada tahun 2008 dan merupakan seorang yang aktif dalam menjalankan kerja-kerja penyelidikan serta pengkomersialan.

## **Pelantikan Baharu Jawatan Giliran**



Profesor Dr. Ahmad Othman  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi  
1 Mac 2010 hingga 3 April 2011



Profesor Madya Dr. Normah Othman  
Pengetua  
Kolej Kediaman Pelajar 3  
15 Mac 2010 hingga 14 Mac 2011



Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin  
Dekan  
Pusat Pengajian Siswazah  
15 Januari 2010 hingga 14 Januari 2012



Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff  
Timbalan Dekan, Jabatan Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti  
Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi  
15 Mac 2010 hingga 14 Mac 2011



Dr. Norlidah Mohamed Noor  
Pengarah Pejabat Antarabangsa  
15 Mac hingga 13 Disember 2010




Dr. Che Ku Mohammad Faizal Che Ku Yahya  
Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar)  
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli  
12 Februari 2010 hingga 11 Februari 2012



Mohd Paudzi Abdullah  
Pengarah  
Pusat Kecemerlangan Automotif  
1 Mac 2010 hingga 30 September 2010



Muhammed Nafis Osman Zahid  
Pengetua  
Kolej Kediaman Pelajar 1  
1 Mac 2010 hingga 28 Februari 2011

**Human Resource Development Attitudinal and Behavioural Outcomes**


Author: Affendy Omardin, Azman Ismail &amp; Noraziah Ahmad

ISBN: 978-967-5080-76-0

Price: RM36.00

Pages: 73 Pages

This book is intended as guide to understanding the nature of human resource development. It's aimed and be useful to others working in human resources area. One of the most important human management activities is managing human resources. Managing became an activity when people started to form groups to accomplish various objectives, which they could not easily achieve as individuals. In fact, a standing as a manager and effective management is basically, to be able to make decision. Future managers need not only know the basics of professional management but also the ways and means to make management effective. This book is a contribution and compilations of editing research from journal, conference proceedings which been presented by the author.

**Membrane for Surface Water Treatment**


Author: Zularisam Abd Wahid &amp; Mimi Sakinah Abd Munaim

ISBN 978-967-5080-74

Price: RM45.00

Pages: 73 Pages

This book is meant to provide fundamental knowledge on understanding of membrane filtration in surface water treatment. In particular this book discusses the membrane property, classification, orientation, role of membrane module design, possible factors and the mechanisms that affect the membrane efficiency in treating surface water. The roles of nature organic matter (NOM) and inorganic particulate as potential membrane foulants are highlighted. Furthermore the understandings of solution chemistry, importance of pre-treatment, cleaning methodology and controlling factor of hydrodynamic conditions are also discussed.

**The Implementation of Skills Training in Malaysia between 1970's & 1990's**


Author: Ahmad Othman

ISBN 978-967-5080-72-2

Price: RM48.00

Pages: 175 pages

The aim of this book is to present an analysis of the implementation of skills training in Malaysia between 1970's and 1990's. There are three main parts discussed in this book, firstly the industrialization process, secondly the management of skills training, and finally the system of skills training.

**Computational Intelligence Applications to Power Systems**

Author: Ahmed Mohamed Ahmed Haidar

ISBN 978-967-5080-62-3


Price: RM55.50

Pages: 171 Pages

This book research presents intelligent computational techniques and recommends preventive control measures for vulnerability assessment and control of large scale interconnected power systems.

Objectives of the research book are:

- To develop a new vulnerability index and to investigate its effectiveness in assessing vulnerability of power systems when subjected to various contingencies.
- To develop a fast and accurate vulnerability assessment method for a practical power system using improved computational intelligent technique
- To develop new control strategies for vulnerability control of power systems



### Pengenalan Rangkaian KUKTEM dan Isu Semasa

Bermula perpindahan Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) ke bandar MEC Gambang pada 2003 sehingga dinaik taraf menjadi universiti, Universiti Malaysia PAhang (UMP) telah memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dalam pelbagai bidang. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi dalam kesemua urusan kerja sehari-hari; bermula dari *e-Learning*, *IMS system* untuk gaji dan maklumat staf, video streaming untuk siaran langsung di Majlis Konvokesyen di internet sehingga kepada *e-Voting* untuk pilihan raya pelajar.

Kesemua aplikasi ini memerlukan rangkaian dalaman (intranet) untuk membolehkan penghantaran data daripada server kepada komputer anda. Teknologi rangkaian dalaman ini di kenali sebagai *ethernet*. Rangkaian di KUKTEM pada tahun 2003 bermula dengan teknologi *fast ethernet* iaitu pengguna akan mendapat akses kelajuan sehingga 100Mbps pada komputer masing-masing.

Dengan bertambahnya bilangan staf dan pelajar, kemunculan teknologi rangkaian terbaru dengan kos yang semakin murah, keperluan aplikasi universiti yang memerlukan laluan jalur lebar yang semakin tinggi dan masalah pada peralatan rangkaian sedia ada; UMP telah membuat naik taraf rangkaian dalaman pada tahun 2009 bagi memenuhi keperluan-keperluan tersebut.

### Penyelesaian Masalah Rangkaian

kerja-kerja naik taraf rangkaian dalaman UMP bermula mengikut fasa. Fasa pertama adalah membuat kajian keperluan. Bahagian Rangkaian dan Telekomunikasi, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) telah membuat kajian dan menyediakan keperluan untuk kerja-kerja naik taraf tersebut. Sebagai contoh, keperluan untuk laluan *fiber optic*, jumlah staf yang menggunakan rangkaian, kebolehgunaan infrastruktur sedia

ada seperti kabel UTP dan *fiber optic* dan sebagainya. Maklumat ini adalah penting untuk menyediakan spesifikasi tender dan memastikan peralatan baharu tersebut akan beroperasi dengan baik.

Fasa ke-2 adalah membuat reka bentuk lengkap dan cadangan konfigurasi atau dinamakan sebagai *Low Level Design* untuk rangkaian UMP. Pihak teknikal PTMK dengan kerjasama dan bantuan dari pihak *vendor* dan *principle* telah membuat perbincangan untuk memastikan kerja-kerja naik taraf yang akan dilakukan berjalan dengan lancar dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Fasa ke-3 adalah fasa yang paling sukar dan mencabar kerana segala perancangan yang dibuat di atas kertas akan dilaksanakan. Kerja naik taraf fasa ke-3 ini telah dipecahkan kepada tiga peringkat iaitu bermula dengan penukaran *access switch* & *distribution switch*, penukaran *core switch* dan yang terakhir adalah penukaran *firewall* & pemasangan IDPS.

### Hasil Daripada Naik Taraf Rangkaian

Kesemua kerja pemasangan peralatan rangkaian baharu ini selesai pada pertengahan tahun 2009. Dengan selesainya kerja-kerja naik taraf ini, beberapa perubahan dan manfaat akan diperoleh oleh pengguna rangkaian di UMP. Antaranya adalah seperti di bawah:

- Kerja-kerja untuk membuat backup data menjadi semakin pantas.

### Langkah Seterusnya

Untuk projek yang akan datang, Bahagian Rangkaian dan Telekomunikasi, PTMK bercadang untuk meningkatkan lagi keselamatan rangkaian dalaman UMP dengan melaksanakan *Cisco NAC Solution*. Penggunaan *Cisco NAC* akan mengurangkan serangan virus dan *worm* terhadap komputer pengguna di UMP, sekaligus akan mengurangkan masa dan kos penyelenggaraan komputer dan meningkatkan produktiviti kerja.



## Rencana/Artikel Pilihan

Oleh: TUAN SIDEK TUAN MUDA

Antara sikap terpuji yang sangat dianjurkan ialah sabar dan syukur. Ia adalah nilai murni universal. Bukan sahaja agama Islam bahkan semua agama dan ajaran menganjurkan penganut dan pengikut supaya menghiasi jiwa mereka dengan kedua-dua sifat ini. Kedua-duanya adalah prasyarat kepada kecemerlangan. Sifat sabar menghasilkan sifat tabah, tekun dan reda. Syukur pula dapat menghalang daripada lahirnya sifat sompong, angkuh dan tidak pernah merasa cukup. Gabungan kedua-duanya akan menghasilkan seseorang yang tidak mudah kenal erti putus asa, yakin tetapi dalam masa yang sama tenang.

Di dalam kehidupan, sabar dan syukur sentiasa beriringan. Ada ketikanya dituntut sabar dan ada ketika yang lain dituntut syukur. Sabar apabila marah, ditimpa musibah, melaksanakan sesuatu tugas dan lain-lain keadaan. Sabar juga apabila menahan hawa nafsu agar diri tidak melanggar larangan Allah SWT. Bahkan dalam melakukan ibadah juga seseorang itu memerlukan kesabaran. Syukur biasanya dikaitkan dengan memperoleh sesuatu yang menggembirakan. Syukur apabila sihat, berjaya, mendapat rezeki yang melimpah dan seumpamanya. Ada juga keadaan yang menuntut kedua-duanya seperti apabila seseorang ditimpa musibah, dia perlu bersabar dan dalam masa yang sama dia perlu bersyukur kerana tidak ditimpa musibah yang lebih dahsyat.

Memiliki kedua-dua sifat sabar dan syukur sangat penting. Manusia merancang, Allah SWT menentukan. Ada masa gembira dan ada masa duka. Pepatah Melayu ada menyebut "hidup tidak selalu indah". Allah SWT memberi panduan kepada manusia supaya tenang dalam apa jua keadaan baik gembira maupun duka. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan (ingatlah juga) tatkala Tuhanmu memaklumkan: sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih. (Surah Ibrahim 14:7)

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud: "Tiada satu bencanapun yang menimpa di bumi dan (tidak pula) pada dirimu sendiri melainkan telah tertulis dalam kitab (Luh Mahfuz) sebelum Kami menciptakkannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah SWT. (Kami jelaskan yang demikian itu) supaya kamu jangan berduka cita dengan apa yang luput dari kamu dan jangan terlalu gembira dengan terhadap apa yang diberikan-Nya kepadamu. Dan Allah SWT tidak menyukai setiap orang yang sompong lagi membanggakan diri. (Surah al Hadid 57: 22-23)

Nabi SAW juga pernah bersabda yang bermaksud: "Sungguh ajaib dalam urusan orang mukmin! Sesungguhnya setiap urusannya baginya ada kebaikan dan perkara ini tidak berlaku melainkan kepada orang mukmin. Sekiranya dia diberi dengan sesuatu yang menggembirakan lalu dia bersyukur maka kebaikan baginya dan sekiranya apabila dia ditimpa kesusahan lalu dia bersabar maka kebaikan baginya." (Riwayat Muslim).

Seorang manusia apabila ditimpa sesuatu musibah sama ada besar atau kecil lalu dia bersabar dan ingat kepada Allah SWT serta yakin bahawa apa yang ditetapkan oleh Allah SWT kepadanya mempunyai hikmah, dia akan menjadi tenang. Begitu jugalah apabila dia mendapat sesuatu yang menggembirakan, dia tidak akan bersikap terlalu gembira sehingga melanggar perintah Allah SWT atau merasa bangga, riak, sompong, tamak dan seumpamanya. Sebalik dia bersyukur dan ingat kepada Allah SWT lalu dia menjadi tenang.

Hidup adalah ujian. Ujian berbeza-beza. Kekayaan, kemiskinan, kesihatan tubuh badan, sakit, sempurna atau cacat anggota badan, kecerdikan, kecantikan rupa paras dan sebagainya adalah ujian.



# Sabar dan Syukur Asas Kecemerlangan Insan



Dalam menghadapi ujian inilah biasanya manusia akan bersifat gusar, keluh kesah, tidak tenteram dan takut. Tidak kurang juga yang bersikap sompong, angkuh, rasa tidak cukup, tidak puas, hasad, dendri dan lain-lain perasaan yang natijahnya ialah ketidaktenangan perasaan.

Orang yang tidak mempunyai ketenangan jiwa biasanya hidup dalam kesempitan dan kepahanan. Kesempitan dan kepahanan perasaan menghasilkan kecelerauan kehidupan. Duit yang banyak, pangkat, harta yang bertimbun-timbun dan anak yang ramai tidak dapat memberikan sebarang kesenangan dan ketenteraman. Oleh itu, hiaslah diri dengan sifat sabar dan syukur, insya-Allah jiwa akan menjadi tenang. Ketenangan ini akan membantu seseorang itu menjadi insan yang cemerlang.

*Penulis ialah Pensyarah di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, UMP.*

# Pendekatan kejuruteraan di dalam kerja-kerja konservasi

Oleh: MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

Kenapa pentingnya bangunan bersejarah dikenalkan? Apakah yang dikatakan dengan konservasi bangunan? Kerja-kerja konservasi merupakan suatu proses pemuliharaan suatu warisan budaya atau kawasan pemugaran dalam keadaan bentuk semasa dan menghalangi keusangan.

Dari sudut pemahaman International Council of Museum (ICCOM) pendekatan pemuliharaan merupakan langkah-langkah yang perlu diambil, melengahkan, melambatkan atau menghalang proses kehancuran dan kemasuhan terhadap benda kebudayaan dengan mengawal struktur supaya dengan seboleh-bolehnya mengekalkan ia dalam bentuk yang tidak berubah.

Nilai sesebuah bangunan bersejarah adalah merupakan satu aset yang tinggi nilai serta keunikannya serta dapat menaikkan taraf sesebuah negara atau negeri serta warisannya pada kedudukan yang tinggi.

## Pendekatan Kejuruteraan

Dari segi pendekatan kejuruteraan kerja-kerja memulihara bangunan ini tertumpu kepada bahagian-bahagian kerosakan seperti di bahagian luaran dan dalaman serta di bahagian atas bangunan. Kerja-kerja konservasi dimulai dengan menilai dan memeriksa kekuahan dan ketahanan struktur bangunan untuk dikenalkan walaupun ianya telah telah melebihi jangka masa usia yang panjang. Ujian-ujian memeriksa struktur bangunan boleh dijalankan di tapak seperti

memeriksa keretakan, serpihan dan pereputan bahan binaan. Ujian menentukan kajian tanah untuk menentukan kesan kandungan tanah sama ada berasid atau beralkali yang mungkin memberi kesan kepada bahan binaan. Di makmal kejuruteraan, kajian mengenai ujian ketahanlasan dilakukan. Lain-lain ujian seperti memeriksa fungsi bangunan, memeriksa kecacatan binaan, rupa pandangan serta kerja-kerja mendokumentasikan seperti fotografi, lakaran serta lukisan terukur bangunan juga dijalankan.

Antara bangunan yang bernilai tinggi untuk dikonservasi adalah bangunan yang menjadi mercu tanda kemerdekaan kita iaitu bangunan Sultan Abdul Samad di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Bangunan ini dipercayai dibina dengan bahan binaan dianggarkan dibina dengan jumlah batu bata sebanyak 4 juta, 50 tan besi bertetulang, 30,000 meter padu kayu, 2,500 beg simen, 18,000 pikul kapur serta 4,000 meter padu pasir. Bangunan bercirikan seni bina neo-saracenic ini mempunyai menara jam yang setinggi 130 meter.

## Kepentingan Pemuliharaan Bangunan Warisan

Maklumat pemuliharaan bangunan warisan yang diperuntukan bagi mengawal, memelihara dan menyelidik, melindungi monumen-monumen lama dan tapak tanah bersejarah serta bekas-bekas kaji purba di dalam Akta Bendapurba 168, 1976 yang kini akta warisan

memfokuskan kepada bangunan warisan ini dijadikan sebagai bahan kajian, di bidang arkeologi dalam pengkajian penempatan kuno; mengembangkan produk pelancongan di samping memupuk dan memperkayakan budaya tempatan; memperlihatkan tinggalan-tinggalan bersejarah yang dapat menjadikan identiti nasional; mengimbangi integrasi pembangunan lama dan baharu, sejarah, seni bina dan karektor.

Untuk pembangunan ekonomi setempat, status bangunan warisan boleh di kategorikan bagi menentukan tahap kepentingan dalam kerja-kerja konservasi iaitu dikelaskan di mana bangunan-bangunan lama yang mempunyai kepentingan, ciri unik dan seni bina yang menarik serta dikategorikan dari segi muka tampak bertujuan menjadikannya elemen penting di dalam premis bagi mencantik dan mengindahkan sesuatu kawasan bandar.

## Peranan Institusi-Institusi Kejuruteraan dan Komuniti

Pendekatan pemuliharaan bangunan perlu diberikan kepada bidang pengajian di universiti seperti menjalankan kursus-kursus sepenuh masa di peringkat ijazah mahupun di peringkat ijazah tinggi. Kesedaran perlu diberikan kepada bakal graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terutamanya dari segi pendekatan penyelidikan, komunikasi dan kerja-kerja khidmat masyarakat.

Antara badan-badan yang bertanggungjawab terhadap konservasi bangunan adalah

Jabatan Muzium dan Antikuiti, jabatan bukan kerajaan seperti Badan Warisan, Penang Heritage Trust dan Melaka Heritage Trust. Justeru, pihak berkusa tempatan harus mengambil pendekatan dalam kerja-kerja konservasi, restorasi kerana bangunan ini mempunyai nilai warisan budaya yang tinggi.

Kesimpulannya, kerja-kerja konservasi dan pembaharuan merupakan satu bentuk gubahan reka bentuk yang menitikberatkan kepada sosiobudaya dan warisan masyarakat setempat serta berpandukan kepada alam sekeliling. Jika masyarakat Barat begitu menghargai seni bina warisan mereka, kenapa kita sendiri tidak boleh melakukan tindakan sama memuliharkan warisan bangunan kita daripada musnah ditelan zaman.

## Rujukan

1. JAMES Douglas and Bill Ransom (2007) Understanding Building Failures 4<sup>th</sup> Edition, Taylor & Francis.
2. R O Herkroodt (2002) Guide to Deterioration and Failure of Building Materials, Thomas Telford.
3. Mohammad Tajuddin (2009) Rasdi, Seni Bina Demokrasi, Majalah PEMIKIR JULAI-SEPTEMBER 2009 BIL.57
4. John Gullick (2009), Majalah Heritage Asia APRIL-JUNE 2009 Vol. 6 No. 1
5. Richard Harrison (1994), Manual of Heritage Management ,Butterworth-Heinemann Ltd.

Penulis adalah pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam, UMP.

**UMP** Pekan





Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:  
**UNIT PENERBITAN & GRAFIK**  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang  
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2501  
Faks : 09 549 3199  
e-Mel : pro@ump.edu.my